

## Terma dan Syarat Meliputi Produk dan Perkhidmatan Perbankan Perniagaan GXBank

**Tarikh Berkuat Kuasa : 1 Disember 2024**

Terma dan syarat ini, yang terdiri daripada Terma Umum (seperti dinyatakan dalam Seksyen A), Terma Khusus Akaun GX Biz (seperti yang dinyatakan dalam Seksyen B), dan Terma Khusus GX Biz FlexiLoan (seperti yang dinyatakan dalam Seksyen C), (secara keseluruhan dirujuk sebagai “Terma”), yang boleh dipinda dari semasa ke semasa, menetapkan terma dan syarat yang mengawal hubungan antara GX Bank Berhad (“Bank”, “kami”) dengan pelanggan - merangkumi perseorangan atau individu yang mewakili seseorang secara sah untuk berinteraksi dengan Bank (secara kolektif, “anda” atau “kamu”) serta perkhidmatan dan produk yang kami sediakan kepada anda di bawah Terma ini. Bank bersetuju untuk menyediakan perkhidmatan atau produk yang anda mohon dan untuk yang mana permohonan anda telah diluluskan oleh kami.

**Seksyen A (Terma dan Syarat Umum)** menerangkan terma dan syarat (“Terma Umum”) yang terpakai secara umum kepada perkhidmatan dan produk yang disediakan oleh Bank kepada anda di bawah Terma ini.

**Seksyen B (Terma Khusus Akaun GX Biz)** menerangkan Terma Khusus berkaitan dengan penyediaan akaun deposit perniagaan (“Akaun GX Biz”) oleh Bank kepada anda.

**Seksyen C (Terma Khusus GX Biz FlexiLoan)** menerangkan Terma Khusus berkaitan dengan penyediaan kredit pusingan (“GX Biz FlexiLoan”) oleh Bank kepada anda.

Terma dan syarat khusus (dirujuk sebagai “Terma Khusus”, dan secara kolektif sebagai “Terma Khusus”) akan terpakai kepada penyediaan perkhidmatan dan produk tertentu oleh Bank kepada anda. Apabila Bank memperkenalkan atau bersetuju untuk menyediakan perkhidmatan atau produk baharu kepada anda, Bank akan memaklumkan Terma Khusus yang berkaitan dengan penyediaan perkhidmatan atau produk tersebut, dan anda bersetuju bahawa Terma Khusus yang berkaitan akan terpakai kepada perkhidmatan atau produk baharu yang disediakan oleh Bank. Terma Khusus adalah sebahagian daripada Terma ini. Jika terdapat sebarang percanggahan antara Terma Umum dan Terma Khusus, Terma Khusus yang berkaitan akan mengatasi sejauh mana percanggahan tersebut berlaku.

### **Seksyen A – Terma dan Syarat Umum**

#### **1. Syarat Pembukaan Akaun**

1.1. Untuk membuka sebarang akaun perniagaan dengan Bank atau menggunakan mana-mana perkhidmatan atau produk Bank, anda:

- (a) perlu memenuhi syarat-syarat yang mungkin ditetapkan oleh Bank dari semasa ke semasa, sama ada secara umum atau berkaitan dengan perkhidmatan atau produk tertentu.
- (b) bersetuju bahawa Bank boleh melakukan semakan nama anda dan wakil anda melalui National Addressing Database (NAD) ID DuitNow bagi tujuan pengesahan / kenal-pasti nama anda dengan ID DuitNow yang didaftarkan, sebagai sebahagian daripada proses pembukaan akaun.

- (c) bersetuju untuk memberikan sebarang maklumat atau dokumen yang diminta oleh Bank dalam bentuk dan cara yang ditetapkan oleh Bank dari semasa ke semasa.
- (d) mengakui bahawa Bank perlu menjalankan penilaian wajar terhadap pelanggan. Anda bersetuju untuk menandatangani sebarang pengisytiharan, melakukan tindakan tertentu dan/atau memberikan dokumen yang diminta oleh Bank dalam tempoh masa yang ditetapkan dan kegagalan berbuat demikian mungkin menyebabkan anda tidak dapat diterima sebagai pelanggan atau mengakibatkan pemberhentian penyediaan perkhidmatan atau produk oleh Bank. Anda bersetuju bahawa Bank diberi kuasa untuk melakukan semakan dan/atau sebarang pemeriksaan (termasuk tetapi tidak terhad kepada semakan kredit, pencegahan pengubahan wang haram, dan penipuan) dan/atau mendapatkan maklumat serta pengesahan pada bila-bila masa semasa proses pembukaan akaun atau pada masa hadapan, termasuk tetapi tidak terhad kepada semakan dan maklumat daripada CTOS Data Systems Sdn Bhd, FIS Data Reference Sdn Bhd, Sistem Maklumat Rujukan Kredit Pusat (CCRIS), Credit Bureau Malaysia Sdn Bhd, agensi rujukan kredit lain, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia, pihak berkuasa, dan/atau institusi kewangan lain dengan cara yang dianggap sesuai oleh Bank. Bank juga diberi kuasa untuk memberikan maklumat yang diperlukan oleh pihak-pihak tersebut bagi menilai status anda untuk pembukaan akaun, meneruskan akaun, pemulihan hutang bawah akaun, atau tujuan lain yang berkaitan akaun, dan/atau dikehendaki oleh undang-undang, peraturan, garis panduan, dan/atau pihak berkuasa berkaitan; dan
- (e) bersetuju bahawa akaun perniagaan hanya digunakan untuk tujuan menjalankan aktiviti perniagaan dan bukan untuk kegunaan individu.

## **2. Arahan**

- 2.1. Arahan kepada Bank mesti diberikan secara bertulis (melalui apa-apa cara yang dinyatakan dalam Terma ini dan diterima oleh Bank, termasuk secara elektronik) atau melalui cara lain yang dibenarkan oleh Bank. Sebarang arahan tersebut hanya berkuat kuasa apabila diterima oleh Bank dan disokong dengan sebarang dokumentasi yang mungkin diperlukan oleh Bank.
- 2.2. Bank tidak akan bertindak atas sebarang arahan selain daripada arahan oleh anda. Bank berhak untuk bertindak dan bergantung pada sebarang arahan yang secara munasabah dipercayai datang daripada anda. Anda mengakui bahawa Bank boleh melaksanakan apa-apa prosedur keselamatan yang kami anggap sesuai dan/atau perlu dari semasa ke semasa untuk mengesahkan identiti anda dan bahawa sesuatu transaksi telah diberi kuasa oleh anda. Bank mungkin meminta anda memberikan pengesahan tambahan secara manual atau elektronik untuk pengesahan sebelum bertindak atas sebarang arahan. Jika kami meminta maklumat, bukti identiti anda, atau pengesahan sebelum bertindak atas sebarang arahan, anda hendaklah segera menyediakan maklumat, bukti atau pengesahan tersebut. Walau bagaimanapun, kami mungkin bertindak dan bergantung pada sebarang arahan tanpa meminta bukti identiti atau pengesahan anda.
- 2.3. Apabila sebarang arahan diberikan melalui apa-apa cara yang memerlukan anda menggunakan kata laluan atau PIN untuk mengakses aplikasi atau sistem lain sebelum memberikan arahan tersebut, atau untuk menyediakan kod pengesahan, anda bersetuju bahawa penggunaan kata laluan, PIN atau kod pengesahan tersebut adalah bukti bahawa arahan tersebut datang daripada anda dan telah diberi kebenaran oleh anda. Anda mesti menjaga kerahsiaan kata laluan, PIN dan kod pengesahan anda. Anda tidak boleh mendedahkan kata laluan, PIN atau kod pengesahan kepada mana-mana individu atau menyimpan rekod kata laluan, PIN atau kod pengesahan anda dengan cara yang

membolehkan individu lain menyalahgunakannya. Jika anda mengetahui atau mengesyaki bahawa kata laluan, PIN atau kod pengesahan anda telah diceroboh, anda perlu segera menukar kata laluan, PIN atau kod pengesahan anda serta memaklumkan Bank.

- 2.4. Bank tidak bertanggungjawab atau akan menanggung sebarang kerugian yang mungkin anda alami disebabkan kami bertindak atas sebarang arahan yang tidak diberi kuasa oleh anda atau tidak datang daripada anda, kecuali sekiranya kerugian tersebut berlaku disebabkan oleh kecuaiian serius, salah laku sengaja atau penipuan daripada pihak kami.
- 2.5. Anda bertanggungjawab untuk memastikan bahawa arahan anda diberikan tepat pada masanya, serta jitu, jelas dan lengkap. Bank berhak meminta pengesahan, penjelasan atau maklumat lanjut daripada anda sebelum bertindak atas sebarang arahan. Kami tidak akan bertanggungjawab atau menanggung kerugian yang mungkin anda alami akibat arahan anda yang lewat, tidak tepat, tidak jelas, tidak mencukupi atau tidak lengkap, kecuali sekiranya kerugian tersebut disebabkan oleh kecuaiian serius, salah laku sengaja atau penipuan daripada pihak kami.
- 2.6. Bank berhak, tetapi tidak diwajibkan, untuk tidak bertindak atas sebarang arahan, atau untuk menjalankan semakan sebelum bertindak atas sebarang arahan, jika:
  - (a) kami secara munasabah percaya arahan tersebut tidak diberi kuasa atau tidak datang daripada anda, atau terdapat kemungkinan akses tanpa kebenaran;
  - (b) arahan tersebut tidak jelas atau tidak lengkap, atau kami menerima arahan yang bercanggah;
  - (c) anda tidak menyediakan sebarang maklumat, dokumen, pengesahan atau pengesahan tambahan yang diminta oleh kami;
  - (d) kami percaya, berdasarkan kepada bukti, yang anda tidak mempunyai kapasiti mental untuk memberikan arahan atau mengoperasi akaun anda;
  - (e) akaun anda tidak mempunyai dana yang mencukupi, atau arahan berkenaan mungkin membawa kepada lebihan dana dikeluarkan dari akaun atau mempunyai baki akaun negatif;
  - (f) melaksanakan arahan tersebut boleh mengakibatkan pelanggaran mana-mana Undang-Undang Terpakai (termasuk Undang-Undang Terpakai berkaitan anti-pengubahan wang haram, pembanterasan pembiayaan keganasan atau sekatan), atau jika kami dilarang oleh mana-mana Undang-Undang Terpakai atau perintah mahkamah daripada melakukannya;
  - (g) or sebarang kejadian atau keadaan yang di luar kawalan munasabah kami menghalang kami daripada melakukannya; atau
  - (h) terdapat sebarang sebab munasabah lain bagi kami untuk melakukannya, termasuk sebarang sebab di mana kami berhak untuk membekukan atau menggantung akaun anda di bawah Klausula 10 (Hak Bank) atau jika sebarang kejadian kegagalan berlaku.
- 2.7. Bank tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang kerugian yang mungkin anda alami disebabkan olehnya, termasuk kerana sebarang kelewatan dalam melaksanakan arahan

anda, kecuali jika kerugian tersebut disebabkan oleh kecuaiian serius, salah laku sengaja atau penipuan daripada pihak kami.

- 2.8. Semua arahan yang diberikan oleh anda adalah muktamad dan mengikat anda. Arahan yang telah diberikan tidak boleh dibatalkan atau diputar-kembali, kecuali jika Bank bersetuju sebaliknya.
- 2.9. Semua arahan yang diterima oleh Bank akan kekal berkuat kuasa untuk melindungi Bank daripada pembayaran yang dibuat/ arahan yang dilaksanakan dengan niat baik walaupun berlaku kematian, kemuflihan, ketidakmampuan, atau pembatalan mana-mana arahan oleh apa-apa cara oleh anda sehingga pemberitahuan bertulis bersama dokumen yang membuktikan kematian, kemuflihan, ketidakmampuan atau pembatalan tersebut diterima oleh Bank.
- 2.10. Anda mengakui bahawa maklumat yang dihantar melalui sistem komunikasi elektronik pihak ketiga seperti internet dan rangkaian selular mungkin boleh diakses oleh pihak ketiga yang tidak dibenarkan semasa proses penghantaran. Bank tidak akan bertanggungjawab atas sebarang tindakan buruk, data atau maklumat atau pendedahan yang salah arah yang berlaku akibat penggunaan saluran komunikasi elektronik pihak ketiga.

### **3. Penyata dan Pemberitahuan**

- 3.1. Bank akan secara berkala menyediakan kepada anda penyata akaun yang mengandungi butiran akaun dan transaksi anda melalui aplikasi GX. Kekerapan penyata akaun tersebut akan dimaklumkan kepada anda. Bank juga mungkin menghantar pemberitahuan transaksi untuk akaun anda, tanpa mengira nilai transaksi tersebut.
- 3.2. Anda bertanggungjawab untuk menyemak penyata akaun dan pemberitahuan transaksi bagi memastikan tiada kesilapan atau transaksi tidak sah, serta mengesahkan ketepatan dan kesempurnaan butiran dalam penyata akaun anda. Anda dengan ini bersetuju untuk menyemak penyata akaun atau pemberitahuan tersebut sebaik sahaja menerimanya.
- 3.3. Kami berhak menganggap butiran yang dinyatakan dalam penyata akaun sebagai betul, tepat, muktamad dan mengikat anda jika (a) kami tidak menerima sebarang maklumbalas atau pemberitahuan daripada anda mengenai kesilapan atau transaksi tidak sah, atau (b) anda tidak membuat sebarang bantahan terhadap butiran dalam penyata akaun anda dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh penyata akaun tersebut disediakan untuk anda.
- 3.4. Tertakluk kepada Klausula 3.3 di atas, semua penyata akaun dan rekod transaksi yang disimpan oleh Bank dalam rekodnya adalah muktamad, konklusif, dan terikat kepada anda.
- 3.5. Bank berhak untuk melaraskan, membatalkan, atau membalikkan sebarang transaksi atau maklumat dalam penyata akaun atau rekod pada bila-bila masa jika Bank berpendapat bahawa pembetulan diperlukan atas sebarang kesilapan atau tertinggal, dikehendaki memulangkan dana yang telah dikreditkan secara salah ke dalam akaun atau tidak menerima dana yang telah dijelaskan atau tanpa syarat secara penuh atau tepat pada masanya. Segala pembetulan tersebut adalah terikat kepada anda.

### **4. Yuran dan Caj**

- 4.1. Bank boleh mengenakan yuran dan caj untuk penyediaan perkhidmatan dan produk kami, serta berhak untuk mengubah jumlah yuran dan caj tersebut pada bila-bila masa dengan memberikan notis awal selama dua puluh satu (21) hari sebelum tarikh perubahan

berkuatkuasa. Pemberitahuan akan diberikan secara bertulis, secara elektronik, atau melalui notis yang dipaparkan di laman web Bank dan/atau aplikasi GX.

- 4.2. Yuran dan caj Bank akan dinyatakan dalam jadual yuran yang akan dimaklumkan kepada anda dari semasa ke semasa melalui laman web Bank dan/atau aplikasi GX. Jadual yuran tersebut akan menjadi sebahagian daripada Terma ini. Jika terdapat ketidakselarasan antara Terma Am ini dan jadual yuran, jadual yuran akan mengatasi sejauh mana ketidakselarasan tersebut.
- 4.3. Selain itu, anda bersetuju untuk membayar kepada Bank sebarang perbelanjaan, cukai atau caj lain yang mungkin ditanggung oleh Bank dalam menyediakan anda sebarang produk atau perkhidmatan. Sekiranya boleh, Bank akan memaklumkan kepada anda terlebih dahulu mengenai sebarang perbelanjaan, cukai atau caj tersebut.
- 4.4. Anda akan membayar yuran, caj, dan perbelanjaan tersebut kepada Bank dengan segera.
- 4.5. Bank berhak untuk memotong yuran, caj, dan perbelanjaan tersebut daripada akaun anda, atau melalui mana-mana cara lain mengikut budi bicara kami.

## **5. Pendedahan Maklumat Pelanggan**

- 5.1. Selain bagi tujuan pemasaran dan/atau penjualan silang, di mana peraturan dan/atau keperluan "bersetuju sertai" mandatori akan dipatuhi, anda dengan ini bersetuju dan memberi kebenaran kepada Bank untuk mendedahkan maklumat pelanggan kepada pihak-pihak atau untuk tujuan berikut:
  - (a) kakitangan utama entiti sah anda yang sedia ada (termasuk pemilik/pemegang saham/pengarah), atau waris terdekat keluarga anda (dalam kes pemilik tunggal) sekiranya berlaku kematian atau ketidakupayaan mental anda pada masa kejadian;
  - (b) mana-mana Entiti Berkaitan Bank;
  - (c) berkenaan dengan pelaksanaan fungsi berpusat seperti audit, pengurusan risiko, kewangan, teknologi maklumat atau fungsi berpusat lain dalam kumpulan syarikat Bank;
  - (d) bagi tujuan penilaian wajar dalam urusan korporat yang diluluskan oleh lembaga pengarah Bank berhubung dengan penggabungan dan pengambilalihan, urusan peningkatan modal atau penjualan aset keseluruhan atau sebahagian perniagaan;
  - (e) jika perlu bagi Bank untuk melaksanakan dan menyelesaikan transaksi atau apa-apa arahan atau mandat yang diberikan oleh anda;
  - (f) ejen, penasihat (sama ada profesional atau tidak), juruaudit, penasihat undang-undang, penyedia perkhidmatan, kontraktor dan subkontraktor kami (termasuk penyedia storan awan, penyedia perkhidmatan yang menjalankan pemeriksaan latar belakang, anti-pengubahan wang haram dan pemeriksaan lain, penyedia perkhidmatan pemasaran, penyedia analitik data, rakan penyelidikan dan pengutip hutang), sama ada di dalam atau luar Malaysia;
  - (g) mana-mana bank lain, bank koresponden, broker, penyedia insurans, penyedia perlindungan kredit, pengurus dana, institusi kewangan, persatuan kad, infrastruktur pasaran kewangan atau mana-mana pihak ketiga lain untuk tujuan penyediaan produk atau perkhidmatan kepada anda;

- (h) mana-mana pengendali sistem pembayaran, institusi pembayaran atau mana-mana pihak lain untuk tujuan pemindahan dana atau transaksi pembayaran (termasuk pihak-pihak lain dalam pemindahan dana atau transaksi pembayaran, pemproses pembayaran, perantara pembayaran, rangkaian pembayaran, persatuan kad, bank dan institusi kewangan lain) serta penyedia perkhidmatan, kontraktor dan ejen;
  - (i) Pihak Berkuasa di dalam atau luar Malaysia untuk tujuan pematuhan keperluan undang-undang, peraturan, pematuhan dan pengurusan risiko, termasuk pematuhan terhadap Akta Pematuhan Cukai Akaun Asing Amerika Syarikat (FATCA) dan Standard Pelaporan Biasa OECD (CRS);
  - (j) Biro kredit, agensi pemarkahan kredit alternatif dan mana-mana organisasi pelaporan kredit lain;
  - (k) mana-mana pihak berkuasa kerajaan, badan selia, badan berkanun, agensi penguatkuasaan, lembaga cukai, mahkamah, tribunal atau badan kehakiman;
  - (l) Pihak Berkuasa di dalam atau luar Malaysia, bagi tujuan penyiasatan mereka ke atas sebarang jenayah (termasuk jenayah kewangan) sama ada oleh anda atau pihak lain, atau jika Bank berpendapat bahawa jenayah telah dilakukan/dapat membantu Bank dalam mencegah/ memulihkan sebarang kerugian oleh Bank/ untuk pencegahan jenayah.
  - (m) mana-mana pihak yang mana Pihak Bank dikehendaki membuat pendedahan di bawah Undang-Undang Terpakai;
  - (n) mana-mana pihak bagi tujuan, atau berkaitan dengan, sebarang tindakan undang-undang yang dirancang atau diambil terhadap anda atau berkaitan dengan penyediaan perkhidmatan atau produk kepada anda;
  - (o) sebarang persatuan/ organisasi di mana Bank adalah ahli/ ahli bersekutu/ ahli gabungan;
  - (p) mana-mana pihak yang kepadanya kami menyerahkan atau memindahkan (atau mungkin berpotensi menyerahkan atau memindahkan) mana-mana hak atau kewajipan kami di bawah Terma ini;
  - (q) mana-mana pihak yang dengan pihaknya Bank sedang (atau bercadang untuk) menjalankan transaksi penjualan atau pemindahan mana-mana bahagian perniagaan atau asetnya, atau mana-mana penggabungan, pengambilalihan atau transaksi korporat lain, serta mana-mana penasihat undang-undang atau profesional dan perunding yang dilantik oleh mana-mana pihak atau bakal pihak kepada transaksi tersebut;
  - (r) mana-mana pihak ketiga, seperti yang tersirat atau seperti yang dikehendaki di bawah sebarang undang-undang yang terpakai; atau
  - (s) mana-mana pihak yang dirujuk dalam Dasar Privasi Data.
- 5.2. Anda selanjutnya mengakui bahawa menurut Seksyen 134 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, Bank dibenarkan untuk mendedahkan maklumat anda kepada pihak ketiga seperti yang diluluskan oleh BNM bagi memudahkan dan/atau membolehkan Bank dan/atau syarikat berkaitan serta sekutu Bank melaksanakan fungsi kami dan/atau fungsi mereka.
- 5.3. Anda dengan ini bersetuju dengan pendedahan tersebut dan mengesahkan bahawa Bank, pegawai dan pekerja kami tidak akan bertanggungjawab atas pemberian maklumat tersebut

atau akibat daripada sebarang kebergantungan yang mungkin diberikan terhadap maklumat yang disediakan mengikut Terma ini.

- 5.4 Klausula 5 ini (Pendedahan Maklumat Pelanggan) akan terus berkuat kuasa walaupun selepas penamatan Terma ini.

## **6. Pengumpulan Data**

- 6.1. Anda dengan ini mengakui, bersetuju, dan memberi kebenaran kepada Bank untuk mengumpul, menggunakan, memproses, dan mendedahkan Data Peribadi yang disediakan oleh anda/pekerja syarikat anda selaras dengan Dasar Privasi Data (yang boleh dipinda dari semasa ke semasa), yang digabungkan melalui rujukan kepada Klausula 6 ini (Pengumpulan Data), dan menerangkan:

- (a) jenis Data Peribadi yang kami kumpulkan;
- (b) cara Data Peribadi dikumpulkan;
- (c) tujuan penggunaan Data Peribadi;
- (d) pihak yang kami dedahkan Data Peribadi;
- (e) pemindahan Data Peribadi ke luar negara;
- (f) penggunaan kuki dan teknologi berkaitan;
- (g) perlindungan Data Peribadi;
- (h) tempoh penyimpanan Data Peribadi;
- (i) hak anda berkaitan dengan Data Peribadi anda;
- (j) pindaan dan kemas kini; serta
- (k) cara untuk menghubungi kami jika anda mempunyai sebarang pertanyaan tentang Dasar Privasi Data atau ingin melaksanakan hak anda seperti yang dinyatakan dalam Dasar Privasi Data.

- 6.2. Sebarang kebenaran yang anda berikan selaras dengan Terma ini berkaitan dengan Data Peribadi anda akan kekal walaupun selepas kematian, ketidakupayaan, kemuffisan atau ketidakmampuan bayar anda, mengikut mana yang berkenaan, dan penamatan Terma ini.

- 6.3. Anda dengan ini mengakui, bersetuju, dan memberi kebenaran kepada Bank untuk mengumpul, menggunakan, memproses, dan mendedahkan maklumat yang diperoleh mengenai entiti perniagaan anda.

## **7. Tanggungjawab Anda**

- 7.1. Anda dengan ini mewakili dan menyatakan bahawa perkara berikut adalah benar dan tepat semasa anda pertama kali membuka mana-mana akaun dengan Bank atau menggunakan mana-mana perkhidmatan atau produk yang disediakan oleh Bank, serta pada setiap masa seterusnya:

- (a) anda mempunyai kuasa, dan kemampuan sepenuhnya untuk memasuki Terma ini, menjalankan transaksi dengan atau melalui Bank, serta melaksanakan dan mematuhi semua tanggungjawab anda di bawah Terma ini.
- (b) anda telah memperoleh semua kebenaran yang diperlukan dan mengambil semua tindakan lain yang perlu untuk memasuki Terma ini serta boleh melaksanakan dan mematuhi semua tanggungjawab anda di bawah Terma ini.
- (c) Tanggungjawab anda di bawah Terma ini adalah sah dan terikat secara undang-undang, serta boleh dikuatkuasakan terhadap anda.
- (d) Sebarang maklumat atau dokumen yang anda berikan kepada kami adalah benar, tepat, lengkap, dan tidak mengelirukan; dan anda memberi kuasa kepada Bank untuk mengesahkan maklumat tersebut dengan mana-mana pihak atau melalui mana-mana sumber yang dianggap sesuai oleh Bank.
- (e) anda telah membaca dan memahami Dasar Privasi Data.

- (f) anda memberi persetujuan, serta telah mendapatkan semua persetujuan yang diperlukan, untuk pengumpulan, penggunaan, pemrosesan, dan pendedahan Data Peribadi yang anda atau wakil anda berikan kepada kami sebagaimana yang dinyatakan dalam Dasar Privasi Data.
- (g) anda tidak dan tidak akan melanggar mana-mana Undang-Undang Terpakai atau kontrak, perjanjian, atau dokumen lain dengan memasuki Terma ini atau mendapatkan mana-mana perkhidmatan atau produk daripada kami.
- (h) anda tidak dan tidak pernah terlibat dalam sebarang aktiviti haram, serta tidak pernah melakukan atau disabitkan atas kesalahan cukai, perubahan wang haram, pembiayaan keganasan, rasuah, korupsi, atau jenayah lain, dan tidak terlibat dalam sebarang aktiviti yang disekat atau dikenakan sekatan.
- (i) anda mengakui bahawa Bank mengamalkan pendirian tanpa toleransi terhadap sebarang bentuk rasuah dan penyelewengan.
- (j) anda adalah sama ada:
  - (i) sebuah entiti sah diperbadankan atau ditubuhkan dan wujud secara sah di bawah undang-undang Malaysia; atau
  - (ii) Seorang warganegara Malaysia dengan MyKad yang sah dan menetap di Malaysia.

Anda bukan warganegara atau penduduk mana-mana bidang kuasa di mana kami tidak dibenarkan menyediakan perkhidmatan atau produk kepada anda. Jika terdapat sebarang perubahan kepada kewarganegaraan dan/atau negara tempat tinggal anda selepas akaun dibuka, penyediaan perkhidmatan oleh kami bergantung pada pematuhan anda dengan Klausula 7.2(a). Operasi akaun anda juga tertakluk kepada kehendak Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, Notis Dasar Pertukaran Asing, serta semua Undang-Undang Terpakai lain.

- (k) anda bertindak sebagai prinsipal untuk manfaat anda sendiri dan bukan bagi mana-mana pihak orang lain, sama ada sebagai pemegang amanah, ejen, wakil, atau sebaliknya.
- (l) anda tidak pernah melakukan sebarang perbuatan kemuflihan atau ketidakmampuan bayar, tidak pernah diisytiharkan muflihs, dan tiada prosiding seumpamanya telah dimulakan terhadap anda di Malaysia atau di mana-mana sahaja; dan
- (m) tiada peristiwa keingkaran yang berlaku.

7.2. Anda bersetuju dan berjanji bahawa anda akan:

- (a) Segera memaklumkan kami mengenai sebarang perubahan pada butiran peribadi anda, termasuk sebarang perubahan kewarganegaraan, lokasi percubaian, alamat, maklumat perhubungan atau sebarang maklumat atau dokumen lain yang anda berikan kepada kami, serta memberi maklum balas segera terhadap sebarang permintaan untuk butiran peribadi anda. Anda juga bersetuju untuk mengemukakan pensijilan FATCA dan/atau CRS yang baharu dan sah dalam tempoh tiga puluh (30) hari sekiranya terdapat sebarang perubahan pada butiran peribadi anda yang menjadikan pensijilan sedia ada tidak sah.
- (b) Segera memaklumkan kami jika mana-mana pernyataan dan jaminan yang dinyatakan dalam Klausula 7.1 tidak lagi benar atau tepat.
- (c) Mematuhi semua Undang-Undang Terpakai, termasuk FATCA, CRS, undang-undang cukai serta undang-undang berkaitan antirasuah, anti-pengubahan wang haram, pembanterasannya pembiayaan keganasan dan sekatan.
- (d) tidak menggunakan perkhidmatan dan produk Bank atau membenarkan pihak ketiga untuk menggunakannya bagi tujuan yang menyalahi undang-undang, atau yang mungkin melibatkan pelanggaran mana-mana Undang-Undang Terpakai (termasuk Undang-Undang Terpakai berkaitan anti-pengubahan wang haram, pembanterasannya pembiayaan keganasan atau sekatan).
- (e) Menyemak penyata dan pemberitahuan transaksi serta amaran sebaik sahaja anda menerimanya, dan segera memaklumkan kami tentang sebarang kesilapan atau



transaksi tidak sah. Anda bersetuju untuk memberikan sebarang maklumat yang kami minta secara munasabah bagi memudahkan siasatan kami terhadap transaksi tersebut, serta membuat laporan polis jika kami secara munasabah meminta anda berbuat demikian untuk memudahkan proses siasatan tuntutan. Jika terdapat kelewatan dalam memaklumkan kami tentang kesilapan atau transaksi tidak sah, anda mesti menerangkan sebab kelewatan tersebut kepada kami; dan

- (f) Tidak berkongsi kata laluan, PIN atau kod keselamatan lain dengan mana-mana individu, dan segera memaklumkan kami jika anda mengesyaki bahawa kata laluan, PIN atau kod keselamatan tersebut telah dikompromi. Anda bersetuju untuk menjaga kerahsiaan kata laluan, PIN dan kod keselamatan lain serta tidak menyimpan rekod kata laluan, PIN atau kod keselamatan lain dengan cara yang membolehkan orang lain menyalahgunakannya.

- 7.3. Bank tidak akan meminta butiran peribadi, kata laluan, PIN atau kod keselamatan lain anda melalui SMS atau e-mel. Anda bertanggungjawab untuk menjaga kerahsiaan butiran peribadi, kata laluan, PIN dan kod keselamatan anda. Anda mesti memastikan dan mengambil langkah berhati-hati terhadap sebarang pautan dalam SMS atau e-mel yang didakwa dihantar oleh Bank.

## **8. Konflik Kepentingan**

- 8.1. Perkhidmatan dan produk yang disediakan oleh Bank adalah tidak eksklusif, dan anda bersetuju serta memberi kebenaran kepada Bank untuk menyediakan perkhidmatan dan produk yang sama kepada pelanggan Bank yang lain.
- 8.2. Anda bersetuju bahawa, melainkan anda menyatakan sebaliknya kepada Bank, (a) Bank boleh memperkenalkan anda kepada Grab dan rakan niaga kami yang lain, yang mungkin mencadangkan perkhidmatan dan produk mereka kepada anda serta mengumpul, menggunakan, memproses dan mendedahkan Data Peribadi anda seperti yang dinyatakan dalam Dasar Privasi Data, atau (b) anda mungkin telah diperkenalkan kepada kami oleh Grab atau rakan niaga kami yang lain. Anda bersetuju bahawa kami mungkin menerima atau membayar yuran rujukan atau komisen daripada atau kepada rakan niaga tersebut bagi tujuan pengenalan tersebut.

## **9. Penyedia Perkhidmatan dan Ejen**

- 9.1. Anda bersetuju bahawa Bank boleh menggunakan pembekal perkhidmatan pihak ketiga, kontraktor atau ejen bagi tujuan, dan berkaitan dengan, penyediaan perkhidmatan dan produk kepada anda.

## **10. Hak Bank**

- 10.1. Bank berhak untuk menentukan sama ada hendak meluluskan permohonan anda untuk memperoleh sebarang perkhidmatan atau produk daripada Bank, dan sama ada untuk menyediakan (atau terus menyediakan) sebarang perkhidmatan atau produk kepada anda. Selain itu, Bank berhak untuk menarik kembali atau mengubah cara kami menyediakan sebarang perkhidmatan atau produk kepada anda pada bila-bila masa mengikut budi bicara kami.
- 10.2. Bank berhak untuk merekod sebarang perbualan telefon atau sidang video kami dengan anda. Anda bersetuju bahawa kami mempunyai hak untuk menggunakan rakaman tersebut sekiranya berlaku sebarang pertikaian. Anda juga bersetuju bahawa rakaman tersebut atau transkripnya boleh digunakan sebagai bukti muktamad mengenai arahan dan perbualan. Kami tidak diwajibkan untuk memberikan anda salinan sebarang rakaman tersebut.

- 10.3. Bank akan menyimpan rekod Maklumat Pelanggan untuk mematuhi Undang-Undang Terpakai serta untuk tujuan perniagaan dan operasi. Rekod kami akan menjadi bukti muktamad tentang kandungan yang dinyatakan dalam rekod tersebut, termasuk butiran akaun dan transaksi anda. Kami boleh memusnahkan atau berhenti menyimpan sebarang rekod apabila kami tidak lagi diwajibkan berbuat demikian di bawah Undang-Undang Terpakai, dan anda bersetuju bahawa kami tidak diwajibkan untuk mengekalkan sebarang rekod setelah tempoh penyimpanan rekod tersebut menurut Undang-Undang Terpakai tamat.
- 10.4. Bank berhak untuk mengambil apa-apa langkah yang munasabah bagi mematuhi mana-mana Undang-Undang Terpakai atau perintah mahkamah. Bank berhak untuk tidak melakukan apa-apa di bawah Terma ini atau berkaitan dengan penyediaan perkhidmatan atau produk kepada anda, jika melakukannya akan mengakibatkan pelanggaran Undang-Undang Terpakai atau mana-mana perintah mahkamah. Bank tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang Kerugian yang mungkin anda alami akibat tindakan Bank tersebut.
- 10.5. Bank berhak untuk membekukan, menggantung, menyekat, menutup atau menamatkan mana-mana atau semua akaun anda yang diselenggara bersama kami atau sebarang penyediaan perkhidmatan atau produk kepada anda, dengan atau tanpa notis terlebih dahulu, jika:
- (a) anda mempunyai baki akaun sifar atau negatif;
  - (b) anda tidak memberikan sebarang maklumat atau dokumen yang diminta oleh kami, atau anda enggan, gagal dan/atau mengabaikan untuk mengemas kini rekod anda dengan kami atau tidak mematuhi keperluan FATCA dan/atau CRS dan/atau memberikan maklumat palsu, tidak betul, tidak tepat atau usang;
  - (c) mana-mana perwakilan atau jaminan di dalam Klausula 7.1 tidak benar, tidak tepat atau tidak lagi benar atau tepat;
  - (d) kami secara munasabah mengesyaki bahawa anda atau pihak ketiga menyalahgunakan atau menjalankan sebarang aktiviti menyalahi undang-undang atau penipuan melalui akaun anda, termasuk sebarang pelanggaran Undang-Undang Terpakai (termasuk Undang-Undang Terpakai berkaitan anti-pengubahan wang haram, pambanterasannya pembiayaan keganasan atau sekatan);
  - (e) kami dikehendaki berbuat demikian oleh mana-mana pihak berkuasa kerajaan, pengawal selia, agensi penguatkuasaan, pihak berkuasa cukai atau mana-mana pihak berkuasa lain;
  - (f) Kami dikehendaki berbuat demikian di bawah perintah garnisi, injunksi Mareva, atau perintah mahkamah lain yang lebih kurang sama, atau sebarang perintah mana-mana mahkamah, tribunal atau badan kehakiman;
  - (g) Anda mengalami kemuffisan atau ketaksolvenan;
  - (h) Laporan polis dibuat terhadap anda atau akaun anda oleh mana-mana pihak termasuk Bank;
  - (i) Siasatan dijalankan oleh Pihak Berkuasa atau oleh Bank terhadap anda atau akaun anda;
  - (j) berlaku kematian pemegang akaun;
  - (k) anda menyalahgunakan perkhidmatan perbankan elektronik Bank atau sistem IT kami;

- (l) berlaku sebarang Peristiwa Keingkar; atau
  - (m) apa-apa sebab munasabah lain untuk berbuat demikian.
- 10.6. Bank tidak akan bertanggungjawab atas sebarang Kerugian yang anda alami akibat akaun anda dibekukan, digantung, disekat, ditutup atau ditamatkan.
- 10.7. Bank berhak untuk membalikkan atau membatalkan sebarang transaksi dan membuat sebarang debit atau pelarasan yang berkaitan ke atas akaun anda, tanpa notis terdahulu atau tanpa persetujuan anda:
- (a) Untuk membetulkan sebarang kesilapan atau kekeliruan, termasuk jika kami membuat kesilapan atau kekeliruan dalam mengkreditkan akaun anda;
  - (b) Jika kami dikehendaki berbuat demikian di bawah mana-mana Undang-Undang Terpakai; atau
  - (c) Jika kami mempunyai sebarang alasan munasabah lain untuk berbuat demikian.
- 10.8. Beberapa perkhidmatan atau produk kami mungkin tidak tersedia untuk tempoh tertentu bagi memudahkan penyelenggaraan sistem kami. Jika boleh, Bank akan memaklumkan anda terlebih dahulu mengenai tempoh ketidakterseediaan sementara tersebut.
- 10.9. Anda bersetuju bahawa sekiranya anda meninggal dunia (secara semula jadi), pembayaran oleh Bank kepada waris terdekat anda (dalam kes pemilik tunggal) atau rakan kongsi perniagaan anda (dalam kes perkongsian) akan menjadi pelepasan sepenuhnya tanggungjawab Bank dan perkara sama tersebut sepatutnya turut terikat kepada waris anda, wakil-wakil sah/ peribadi anda, serah hak, pengganti hak milik dan harta si mati.
- 10.10. Klausula 10 (Hak Bank) ini akan terus berkuat kuasa walaupun selepas penamatan Terma ini.

## **11. Bayaran**

- 11.1. Sebarang bayaran yang anda buat kepada Bank hendaklah dibuat dalam bentuk dana yang boleh didapati dengan bebas, tanpa sebarang tolak-selesai atau tuntutan balas, atau tanpa sebarang potongan atau penolakan untuk cukai, caj atau duti lain.
- 11.2. Jika sebarang penolakan atau potongan diperlukan di bawah mana-mana Undang-Undang Terpakai, anda bersetuju untuk membayar kepada kami jumlah yang sama dengan jumlah yang ditahan atau dipotong supaya Bank menerima jumlah bersih yang sama dengan jumlah yang akan kami terima sekiranya tiada penolakan atau potongan tersebut dibuat.
- 11.3. Yuran perkhidmatan, komisen dan caj sampingan lain yang perlu anda bayar kepada Bank adalah tidak termasuk sebarang cukai. Sekiranya cukai perlu dibayar, anda hendaklah membayarnya tanpa sebarang penolakan, sekatan atau syarat. Jika sebarang cukai, caj atau duti lain perlu dibayar atas sebarang bayaran yang anda buat kepada Bank, anda hendaklah membayar kepada kami jumlah tambahan yang sama dengan jumlah cukai, caj atau duti tersebut. Jika Bank dikehendaki secara undang-undang untuk membuat sebarang potongan atau penahanan sebarang jumlah, anda bersetuju untuk membayar kepada kami jumlah tambahan sedemikian supaya kami menerima jumlah bersih yang sama dengan jumlah yang akan kami terima sekiranya tiada potongan atau penahanan dibuat.
- 11.4. Jika anda tidak membuat sebarang bayaran kepada Bank tepat pada masanya, Bank berhak mengenakan Caj Lewat ke atas jumlah tertunggak yang belum dijelaskan pada kadar yang ditentukan oleh Bank dan dimaklumkan kepada anda.

11.5. Klausula 11 (Pembayaran) ini akan terus berkuat kuasa walaupun selepas penamatan Terma ini.

## **12. Mata Wang Asing**

12.1. Jika Bank menerima sebarang bayaran daripada anda atau bagi pihak anda, melaksanakan sebarang transaksi untuk anda atau bagi pihak anda, atau anda berhutang sebarang jumlah kepada kami, dalam mata wang selain daripada Ringgit Malaysia, kami boleh menukarkan jumlah yang dinyatakan dalam mata wang asing tersebut kepada Ringgit Malaysia pada kadar pertukaran semasa yang ditentukan oleh kami. Jika kami menanggung sebarang kos atau perbelanjaan dalam membuat penukaran mata wang tersebut, anda bersetuju untuk membayar kos atau perbelanjaan tersebut kepada kami.

## **13. Hak Tolak Selesai Dan Lien**

13.1. Bank berhak untuk menahan dan tidak membayar semula kepada anda sebarang jumlah yang kami pegang untuk anda dalam mana-mana akaun, atau menahan sebarang pembayaran yang perlu dibayar kepada anda, jika terdapat sebarang jumlah tertunggak yang anda berhutang kepada Bank, jika anda mempunyai sebarang liabiliti tertunggak lain kepada Bank, atau jika Bank telah meletakkan sekatan atau mengetepikan sebarang jumlah dalam mana-mana akaun anda atas apa-apa sebab.

13.2. Semua dana anda dalam akaun-akaun anda bersama Bank tertakluk kepada lien banker yang memihak kepada pihak kami. Kami boleh menggunakan lien tersebut sebagai jaminan terhadap sebarang jumlah yang anda berhutang kepada Bank atau sebarang liabiliti tertunggak lain yang anda tanggung kepada Bank, mengikut budi bicara munasabah kami.

13.3. Tanpa mengehadkan hak kami di bawah lien banker di atas atau sebarang hak lain yang kami miliki di bawah Terma ini atau sebaliknya, Bank boleh, dengan memberi notis tujuh (7) hari terlebih dahulu, menggabungkan atau menyatukan semua akaun anda yang dipegang bersama kami dan/atau menolak-selesai sebarang baki dalam akaun anda di Bank dan sebarang jumlah yang kami berhutang kepada anda, terhadap sebarang jumlah yang anda berhutang kepada kami.

13.4. Bank boleh melaksanakan hak kami di bawah Klausula 13 (Hak Tolak-Selesai dan Lien) ini pada bila-bila masa, tanpa mengira sama ada Peristiwa Keingkar telah berlaku atau tidak, dan sama ada akaun anda telah ditutup atau sama ada Terma ini telah ditamatkan.

13.5. Anda tidak boleh mewujudkan sebarang kepentingan keselamatan atau sebarang bebanan lain ke atas akaun anda dengan Bank tanpa persetujuan bertulis terdahulu daripada kami.

13.6. Klausula 13 (Hak Tolak-Selesai dan Lien) ini akan terus berkuat kuasa walaupun selepas penamatan Terma ini. Hak Bank di bawah Klausula ini tidak akan terjejas oleh kemuffisan, ketidakmampuan untuk membayar, tidak waras atau kematian pemegang akaun.

## **14. Tiada Nasihat Percukaian, Perundangan dan Lain-Lain**

14.1 Bank tidak menyediakan sebarang nasihat mengenai cukai, perakaunan, insurans, undang-undang, peraturan atau hal ehwal alam sekitar. Jika anda memerlukan nasihat sedemikian, anda hendaklah mendapatkan nasihat daripada penasihat bebas anda sendiri.

14.2 Bank tidak bertindak sebagai ejen, pemegang amanah atau fidusiari anda dalam menyediakan perkhidmatan atau produk kepada anda.

## 15. Liabiliti

15.1. Bank tidak akan bertanggungjawab atas sebarang Kerugian yang mungkin anda alami berkaitan dengan atau timbul daripada penyediaan perkhidmatan atau produk oleh kami kepada anda, kecuali jika Kerugian tersebut disebabkan oleh kecuaiian serius, salah laku sengaja atau penipuan oleh pihak kami. Tanpa mengehendkan skop pernyataan di atas, dan tanpa menjejaskan sebarang peruntukan lain dalam Terma ini, Bank tidak akan bertanggungjawab atas sebarang Kerugian yang mungkin anda alami:

- (a) yang timbul akibat tindakan kami berdasarkan sebarang arahan yang kami secara munasabah percaya telah diberi kuasa oleh atau datang daripada anda;
- (b) sebarang kelewatan dalam melaksanakan arahan anda, kecuali jika kelewatan tersebut disebabkan oleh kecuaiian serius, salah laku sengaja atau penipuan oleh pihak kami;
- (c) akibat daripada tindakan Bank yang diambil mengikut langkah munasabah yang diperlukan untuk mematuhi mana-mana Undang-Undang Terpakai atau perintah mahkamah atau sebarang tindakan lain mengikut hak kami di bawah Terma ini;
- (d) apabila penyediaan perkhidmatan atau produk kepada anda terjejas oleh sebarang kejadian atau keadaan yang berada di luar kawalan munasabah kami, tanpa mengira tempoh kejadian atau keadaan tersebut.
- (e) apabila terdapat sebarang penggunaan atau akses tanpa kebenaran terhadap telefon pintar atau peranti lain yang anda gunakan untuk mengakses perkhidmatan atau produk yang disediakan oleh Bank, atau telefon pintar atau peranti tersebut hilang, tersalah letak atau dicuri; atau
- (f) apabila kata laluan, PIN atau kod keselamatan anda bocor atau disalahgunakan oleh orang lain.

Dalam apa jua keadaan, kami tidak akan bertanggungjawab atas sebarang Kerugian yang merupakan kerugian tidak langsung atau berbangkit, atau sebarang kehilangan keuntungan, pendapatan, perniagaan, nama baik, atau peluang, walaupun Kerugian tersebut boleh dijangkakan.

15.2. Kami tidak bertanggungjawab atau menanggung liabiliti atas tindakan mana-mana pihak ketiga, termasuk tindakan mana-mana pihak ketiga yang terlibat dalam penyediaan perkhidmatan atau produk kepada anda, atau tindakan mana-mana pembekal perkhidmatan pihak ketiga, kontraktor atau ejen yang dilantik oleh Bank dan sub-kontraktor mereka, atau ketidakmampuan untuk membayar atau kemuflihan mana-mana pihak ketiga tersebut. Kami tidak akan bertanggungjawab atas sebarang Kerugian yang mungkin anda alami akibat tindakan pihak ketiga tersebut, kecuali jika Kerugian tersebut disebabkan oleh kecuaiian serius, salah laku sengaja atau penipuan kami. Terma ini mengandungi keperluan yang mesti anda patuhi berhubung keselamatan akaun anda. Jika anda gagal mematuhi mana-mana terma/ keperluan/ arahan yang dinyatakan secara jelas dalam Terma ini, Bank akan terlepas daripada sebarang liabiliti berkaitan hal tersebut.

15.3. Kami tidak bertanggungjawab atas sebarang keputusan yang anda buat untuk mendapatkan perkhidmatan dan produk kami atau untuk memasuki Terma ini. Sebarang keputusan sedemikian adalah keputusan anda sendiri berdasarkan pertimbangan bebas anda. Jika anda memerlukan nasihat, anda hendaklah mendapatkan nasihat daripada penasihat bebas anda sendiri.

- 15.4. Kami tidak bertanggungjawab atau menanggung liabiliti atas sebarang tindakan atau representasi pekerja atau ejen kami yang dibuat tanpa kuasa daripada kami.
- 15.5. Walau apapun yang bertentangan dalam Terma ini dan setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, jumlah liabiliti maksimum Bank kepada anda bagi sebarang tuntutan (walau apa pun puncanya) adalah terhad kepada jumlah transaksi yang terlibat yang menimbulkan tuntutan tersebut atau jumlah kerugian sebenar yang anda alami, mengikut mana yang lebih rendah. Tuntutan tersebut mesti disokong oleh bukti dokumentasi yang memuaskan kepada pihak Bank.
- 15.6. Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kehilangan, kerosakan, kecederaan, kesulitan atau rasa malu yang anda alami akibat kelewatan atau kegagalan Bank melaksanakan tanggungjawabnya disebabkan oleh sebarang sebab di luar kawalan munasabah Bank, termasuk tetapi tidak terhad kepada kegagalan komputer, elektronik, elektrik, sistem, kerosakan, gangguan atau sistem tergendala untuk sebarang tempoh masa.
- 15.7. Klausula 15 (Liabiliti) ini akan terus berkuat kuasa walaupun selepas penamatan Terma ini.

## **16. Ganti Rugi**

- 16.1. Anda bersetuju, secara berterusan, untuk memberi ganti rugi kepada Bank, dan membayar serta mengganti rugi Bank, atas semua dan sebarang Kerugian yang mungkin ditanggung oleh Bank berkaitan dengan atau yang timbul daripada penyediaan perkhidmatan atau produk oleh kami kepada anda, kecuali jika Kerugian tersebut disebabkan oleh kecuaiian serius, salah laku sengaja atau penipuan kami.
- 16.2. Klausula 16 (Tanggungjawab Ganti Rugi) ini akan terus berkuat kuasa walaupun selepas penamatan Terma ini.

## **17. Keadaan Diluar Kawalan Bank**

- 17.1. Bank tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang Kerugian yang mungkin anda alami jika Kerugian tersebut timbul daripada mana-mana peristiwa atau keadaan yang berada di luar kawalan munasabah kami, tanpa mengira tempoh peristiwa atau keadaan tersebut. Peristiwa sedemikian termasuk gempa bumi, kebakaran, banjir, ribut, pandemik, bencana alam atau tindakan Tuhan yang lain, peperangan, tindakan keganasan, tindakan ketenteraan, rusuhan, kekacauan awam atau gangguan lain, mogok, pertikaian perindustrian atau tindakan industri lain, penganan kawalan atau sekatan pertukaran mata wang, sekatan perdagangan, perubahan kepada undang-undang dan peraturan atau tindakan kerajaan lain, gangguan, ralat mekanikal atau kerosakan pada mana-mana mesin atau sistem, sabotaj, turun naik atau kegagalan bekalan elektrik atau rangkaian telekomunikasi, gangguan atau kegagalan internet, virus komputer, atau kegagalan mana-mana infrastruktur pasaran kewangan.

## **18. Penutupan Dan Penamatan Akaun**

- 18.1. Anda boleh menamatkan Terma ini atau mana-mana perkhidmatan atau produk yang disediakan oleh Bank dan menutup akaun anda dengan memberikan notis bertulis kepada Bank.
- 18.2. Bank boleh menamatkan Terma ini atau penyediaan mana-mana perkhidmatan atau produk kepada anda dan menutup akaun anda dengan memberikan anda sekurang-kurangnya empat belas (14) hari notis bertulis.

- 18.3. Tambahan, Bank berhak untuk menamatkan Terma ini atau penyediaan mana-mana perkhidmatan atau produk kepada anda dan menutup akaun anda, serta-merta dan tanpa sebarang notis terdahulu kepada anda jika:
- (a) anda tidak membuat sebarang bayaran tertunggak kepada kami;
  - (b) anda melanggar mana-mana tanggungjawab anda di bawah Terma ini;
  - (c) anda tidak memberikan sebarang maklumat atau dokumen yang kami minta, atau anda enggan, gagal dan/atau cuai mengemas kini rekod anda dengan kami atau tidak mematuhi keperluan FATCA dan/atau CRS dan/atau memberikan maklumat palsu, tidak betul, tidak tepat atau usang;
  - (d) mana-mana pernyataan atau jaminan dalam Klausula 7.1 tidak benar atau tidak tepat, atau tidak lagi benar atau tidak lagi tepat.
  - (e) anda mempunyai baki yang tidak mencukupi atau negatif dalam akaun anda;
  - (f) anda adalah, atau berkemungkinan menjadi, insolven atau mufliis, atau sebarang prosiding insolvensi atau kemufliisan telah dimulakan terhadap anda;
  - (g) anda tidak dapat atau berkemungkinan tidak dapat memenuhi sebarang kewajipan kewangan anda kepada mana-mana pihak, termasuk pihak ketiga;
  - (h) aset anda tertakluk kepada prosiding penguatkuasaan di mana-mana bidang kuasa;
  - (i) anda tertakluk kepada sebarang prosiding sivil, jenayah atau tatatertib di mana-mana bidang kuasa;
  - (j) nama anda disenaraikan dalam sebarang makluman atau amaran yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa atau disenaraihitamkan oleh mana-mana Pihak Berkuasa;
  - (k) anda melakukan atau disabitkan dengan mana-mana kesalahan jenayah di mana-mana bidang kuasa, atau anda didapati menipu atau tidak jujur dalam sebarang prosiding;
  - (l) kami secara munasabah mengesyaki bahawa anda terlibat dalam sebarang aktiviti yang menyalahi undang-undang, termasuk sebarang pelanggaran Undang-Undang Terpakai (termasuk Undang-Undang Terpakai berkaitan anti-pengubahan wang haram, pembanterasan pembiayaan keganasan atau sekatan);
  - (m) terdapat sebarang penyiasatan (di Malaysia atau di tempat lain) oleh mana-mana Pihak Berkuasa yang masih belum selesai, sedang berjalan atau diancam terhadap anda;
  - (n) kami secara munasabah berpendapat bahawa mengekalkan akaun anda adalah bertentangan dengan dasar kami;
  - (o) anda menjadi tidak siuman;
  - (p) keberadaan anda tidak diketahui oleh kami; atau
  - (q) kami dikehendaki berbuat demikian di bawah Undang-Undang Terpakai atau oleh mana-mana perintah mahkamah.
- 18.4. Dalam melaksanakan hak untuk menggantung dan/atau menutup akaun anda, Bank mungkin tidak bebas untuk mendedahkan sebab-sebabnya dan tidak mempunyai sebarang kewajipan untuk berbuat demikian, melainkan pendedahan dikehendaki oleh undang-undang.
- 18.5. Setelah penamatan Terma ini atau penutupan akaun anda dengan Bank, sebarang jumlah yang anda berhutang kepada kami hendaklah serta-merta perlu dibayar sepenuhnya.
- 18.6. Jika Terma ini ditamatkan atau akaun anda ditutup atas sebarang sebab dan anda tidak memindahkan semua dana keluar daripada akaun anda, kami boleh meneruskan untuk melaksanakan hak tolak-selesai dan penyatuan kami di bawah Klausula 13 (Hak Tolak-Selesai dan Lien) serta membayar baki bersih dalam akaun anda kepada anda melalui apa-apa cara mengikut budi bicara kami. Anda bersetuju bahawa ini akan menjadi pelepasan sepenuhnya tanggungan Bank kepada anda berkenaan akaun anda dan Terma ini, dan anda mengetepikan sebarang dan semua hak atau tuntutan yang mungkin anda miliki terhadap Bank di bawah Terma ini.

- 18.7. Penamatan Terma ini tidak menjejaskan sebarang hak atau tanggungjawab mana-mana pihak yang timbul sebelum penamatan, atau sebarang liabiliti yang telah wujud sebelum penamatan tersebut.
- 18.8. Klausula 18 (Penutupan Akaun dan Penamatan) ini akan terus berkuat kuasa walaupun selepas penamatan Terma ini.

## **19. Notis dan Komunikasi**

- 19.1. Anda hendaklah memberikan kepada Bank alamat kediaman anda, nombor telefon Malaysia, alamat e-mel atau apa-apa maklumat hubungan lain di mana kami boleh menghubungi anda serta menghantar notis dan komunikasi kepada anda. Alamat kediaman anda mungkin digunakan oleh Bank sebagai alamat surat-menyurat anda. Kami juga boleh memberikan alamat kediaman, nombor telefon Malaysia, alamat e-mel atau maklumat hubungan lain anda kepada mana-mana pihak berkuasa kerajaan, pengawal selia, agensi penguatkuasaan, lembaga cukai, mahkamah, tribunal atau badan kehakiman sekiranya kami dikehendaki berbuat demikian. Anda mesti segera memaklumkan kami tentang sebarang perubahan pada maklumat hubungan anda.
- 19.2. Bank boleh menyiarkan notis atau komunikasi tertentu kepada anda di laman web kami atau di aplikasi GX. Anda digalakkan untuk menyemak laman web atau aplikasi GX kami secara berkala bagi mengetahui sebarang notis atau komunikasi.
- 19.3. Sebarang notis atau komunikasi yang Bank hantar kepada anda akan dianggap telah dihantar dan berkuat kuasa:
- (a) jika dihantar secara peribadi, pada masa penghantaran;
  - (b) jika dihantar melalui pos ke alamat di Malaysia, pada Hari Perniagaan ketiga selepas tarikh pengeposan;
  - (c) jika dihantar melalui pos ke alamat di luar Malaysia, pada Hari Perniagaan ketujuh selepas tarikh pengeposan;
  - (d) jika dihantar melalui SMS atau e-mel (seperti yang direkodkan pada peranti penghantar), pada masa penghantaran, kecuali jika kami menerima maklum balas kegagalan penghantaran;
  - (e) jika dihantar melalui faksimili, pada masa penghantaran selesai;
  - (f) jika dihantar melalui pemberitahuan notifikasi (push notification) melalui aplikasi GX, pada masa penghantaran; dan
  - (g) jika diterbitkan di laman web kami atau aplikasi GX, pada masa penerbitan.
- 19.4. Kami juga berhak untuk menyampaikan notis berkenaan akaun anda dengan cara pengiklanan dalam mana-mana akhbar harian, dan notis tersebut akan dianggap telah disampaikan kepada anda pada hari iklan tersebut disiarkan dalam akhbar.
- 19.5. Notis atau komunikasi yang anda hantar kepada Bank hanya akan dianggap diterima dan berkuat kuasa apabila kami menerimanya.
- 19.6. Bank akan menggunakan maklumat hubungan terkini yang kami miliki dalam rekod kami. Jika anda mempunyai lebih daripada satu (1) akaun dan maklumat hubungan tersebut tidak sama, kami berhak untuk menggunakan maklumat yang paling terkini yang diberi kepada Bank.
- 19.7. Anda boleh menukar maklumat hubungan anda, iaitu alamat surat-menyurat, alamat e-mel dan nombor mudah alih bagi tujuan pemberitahuan dengan memberi notis kepada Bank. Tiada perubahan alamat dalam apa jua cara akan berkuat kuasa atau mengikat Bank melainkan anda telah memberi notis sebenar tentang perubahan alamat tersebut kepada Bank.

## **20. Pindaan**



- 20.1. Bank boleh menambah, meminda, mengubah atau mempelbagaikan mana-mana atau semua Terma ini (termasuk yuran dan caj, ciri serta kelebihan kami) pada bila-bila masa dengan memberi anda sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari notis sebelum penambahan, pindaan, pengubahsuaian atau variasi tersebut berkuat kuasa. Walau bagaimanapun, kami akan berusaha sedaya upaya untuk memberi anda notis awal selama dua puluh satu (21) hari bagi sebarang variasi berkaitan yuran dan caj kami serta liabiliti atau tanggungjawab anda, kecuali penambahan, pindaan, pengubahsuaian atau variasi tersebut diperlukan bagi mematuhi Undang-Undang Terpakai (yang mungkin berkuat kuasa serta-merta).
- 20.2. Bank mungkin memperkenalkan Terma Khusus baharu yang terpakai kepada penyediaan perkhidmatan atau produk baharu. Terma Khusus sedemikian akan berkuat kuasa mulai tarikh kami bersetuju untuk menyediakan perkhidmatan atau produk baharu yang berkaitan kepada anda.
- 20.3. Terma-terma ini tertakluk kepada peruntukan Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan sebarang pindaan terhadapnya, atau sebarang arahan daripada Bank Negara Malaysia atau seperti yang diarahkan atau dikehendaki oleh badan pengawalseliaan dari semasa ke semasa.
- 20.4. Dengan terus mengekalkan dan mengendalikan akaun anda selepas tarikh berkuat kuasanya sebarang pindaan atau variasi, anda dianggap telah menerima Terma yang telah dipinda tersebut dan terma tersebut akan terikat kepada anda.

## **21. Penyerahan**

- 21.1. Bank boleh menyerahkan dan/ atau memindahkan semua atau mana-mana hak, hak milik, liabiliti dan kepentingan di bawah Terma ini kepada mana-mana pihak yang dianggap sesuai oleh Bank dan tertakluk kepada keperluan undang-undang atau peraturan yang terpakai, dan akan memaklumkan anda tentang penyerahan hak dan/ atau pemindahan tersebut.
- 21.2. Anda tidak dibenarkan untuk menyerahkan atau memindahkan mana-mana bahagian hak atau tanggungjawab anda di bawah Terma ini tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada kami.

## **22. Pelepasan**

- 22.1. Kegagalan atau kelewatan oleh Bank dalam melaksanakan atau menguatkuasakan mana-mana kuasa atau hak di bawah Terma ini, atau dalam menguatkuasakan kepatuhan terhadap mana-mana peruntukan Terma ini, tidak boleh dianggap sebagai pelepasan atau pengecualian oleh Bank, dan Bank tidak dihalang daripada melaksanakan atau menguatkuasakan mana-mana kuasa atau hak tersebut pada masa hadapan.

## **23. Tidak Sah dan Kebolehasingan**

- 23.1. Jika mana-mana peruntukan dalam Terma ini menjadi menyalahi undang-undang, tidak sah atau tidak boleh dikuatkuasakan dengan apa cara sekalipun, ketidakabsahan, atau ketakbolehkuatkuasaan tersebut tidak akan menjejaskan atau melemahkan mana-mana peruntukan lain dalam Terma ini. Terma ini hendaklah ditafsirkan seolah-olah peruntukan yang menyalahi undang-undang, tidak sah atau tidak boleh dikuatkuasakan tersebut telah diubah agar menjadi sah, berkesan dan boleh dikuatkuasakan, atau seolah-olah peruntukan tersebut bukan sebahagian daripada Terma ini.

## **24. Keutamaan Terma**

24.1. Terma ini mengatasi mana-mana perjanjian, kefahaman, notis, kenyataan atau representasi terdahulu, sama ada secara lisan atau bertulis, berkaitan mana-mana perkhidmatan atau produk Bank, melainkan dinyatakan sebaliknya oleh Bank secara bertulis.

## **25. Undang-Undang yang Mengawal dan Penyelesaian Pertikaian**

25.1. Segala aduan berkenaan produk dan perkhidmatan Bank hendaklah ditujukan kepada Pasukan Khidmat Pelanggan Bank melalui saluran berikut:

Telefon : +603 7498 3188  
E-mel : ask@gxb.my  
Sokongan chat : pada aplikasi GX

Anda dikehendaki untuk menyatakan jenis pertanyaan, aduan dan/atau pertikaian anda serta butiran atau maklumat lain yang mungkin diperlukan oleh Bank. Aduan, pertikaian atau pertanyaan tersebut akan disiasat, dikendalikan dan/atau diselesaikan mengikut prosedur aduan dan penyelesaian pertikaian Bank.

25.2. Jika pertanyaan atau aduan anda tidak diselesaikan dengan memuaskan oleh Bank, anda boleh menulis kepada Ombudsman for Financial Services (OFS) di enquiry@ofs.org.my atau BNM LINK atau TELELINK di:

Block D, Bank Negara Malaysia  
Jalan Dato' Onn  
50480 Kuala Lumpur  
Tel : 1-300-88-5465  
Fax : 03-21741515  
E-mel : bnmtelink@bnm.gov.my

25.3. Terma ini hendaklah ditadbir dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia serta peraturan, peraturan dan garis panduan BNM, PayNet dan badan pengawalseliaan lain yang terpakai ke atas Bank.

25.4. Anda bersetuju untuk tertakluk kepada bidang kuasa eksklusif mahkamah Malaysia. Anda hanya boleh membawa tindakan atau prosiding terhadap Bank di mahkamah Malaysia. Bank boleh membawa tindakan atau prosiding terhadap anda di mana-mana mahkamah dalam apa jua bidang kuasa, termasuk di mana anda mungkin bermastautin atau memiliki aset.

## **26. Penyampaian Proses atau Dokumen Undang-Undang**

26.1. Sebarang tuntutan asal, pernyataan tuntutan, permohonan asal atau sebarang notis atau dokumen lain berkaitan prosiding undang-undang akan dianggap telah disampaikan dengan secukupnya kepada anda:

- (a) jika dihantar melalui pos berdaftar, dengan notis atau dokumen lain yang dialamatkan dan diposkan dengan betul, caj pos dibayar, ke alamat terakhir anda yang diketahui dalam rekod kami;
- (b) jika dihantar melalui e-mel, dengan notis atau dokumen lain yang ditandakan untuk perhatian individu yang ditetapkan, telah dihantar dengan betul ke alamat e-mel terakhir yang disimpan dalam rekod kami; atau
- (c) jika dihantar melalui faksimili, dengan notis atau dokumen lain yang telah berjaya dihantar dari terminal penghantaran seperti dibuktikan oleh laporan penghantaran yang dijana oleh terminal penghantaran tersebut.

26.2. Tiada apa-apa dalam Klausula 26 ini akan menjejaskan atau mengehendkan hak kami untuk menyampaikan sebarang proses atau dokumen undang-undang kepada anda dengan cara lain yang dibenarkan di bawah Undang-Undang Terpakai.

## 27. Masa

27.1. Masa menjadi keutamaan bagi Terma ini.

## 28. Takrifan Dan Tafsiran

28.1. Dalam Terma ini, perkataan bermula dengan huruf besar mempunyai maksud berikut:

<b>“Undang-undang Terpakai”</b>	bermaksud mana-mana dan semua undang-undang, peraturan, garis panduan, kod atau peraturan, termasuk garis panduan industri, kod industri atau peraturan industri, sama ada di Malaysia atau di tempat lain, dan sama ada mempunyai kuasa undang-undang atau tidak, yang dipinda, diubah, divariasikan atau dikuatkuasakan semula dari semasa ke semasa.
<b>“Pihak Berkuasa”</b>	bermaksud BNM, Polis, suruhanjaya atau agensi antirasuah atau pengawal selia atau mana-mana pihak berkuasa tempatan atau antarabangsa yang lain.
<b>“BNM”</b>	bermaksud Bank Negara Malaysia.
<b>“Hari Perniagaan”</b>	bermaksud hari di mana Bank dibuka untuk urus niaga perniagaan mengikut yang diperlukan.
<b>“Maklumat Pelanggan”</b>	bermaksud sebarang maklumat yang berkaitan dengan anda, termasuk Data Peribadi anda dan maklumat peribadi lain, serta maklumat mengenai akaun dan transaksi anda, yang dimiliki oleh Bank berkaitan dengan penyediaan perkhidmatan atau produk kepada anda.
<b>“Dasar Privasi Data”</b>	bermaksud dasar privasi data kami yang boleh didapati di laman web kami di <a href="http://gxbank.my">gxbank.my</a> atau melalui aplikasi GX (yang dipinda dari semasa ke semasa), dan menjadi sebahagian daripada Terma ini.
<b>“DuitNow”</b>	bermaksud perkhidmatan yang membolehkan pelanggan memulakan dan menerima pemindahan kredit segera menggunakan nombor akaun penerima atau ID DuitNow penerima.
<b>“ID DuitNow”</b>	bermaksud pengenalan pasti pemegang akaun seperti nombor mudah alih, nombor kad pengenalan, nombor pasport, nombor tentera atau polis (bagi individu) atau nombor pendaftaran perniagaan (bagi pelanggan korporat) atau sebarang pengenalan pasti lain yang mungkin diperkenalkan oleh Pengendali NAD dari semasa ke semasa.
<b>“Peristiwa Keingkar”</b>	bermaksud sebarang peristiwa yang memberi hak kepada Bank untuk menamatkan Terma ini atau penyediaan sebarang perkhidmatan atau produk kepada anda di bawah Klausula 18 (Penutupan Akaun dan Penamatan).
<b>“Entiti sah”</b>	bermaksud mana-mana entiti selain daripada orang sebenar yang boleh mewujudkan hubungan pelanggan yang kekal dengan Bank. Ini

termasuk syarikat, badan korporat, syarikat berkaitan kerajaan (GLC), yayasan, perkongsian atau persatuan dan entiti serupa yang lain.

<b>“Kerugian”</b>	bermaksud sebarang kerugian, kerosakan, kos (termasuk kos guaman atas dasar tanggungan penuh), perbelanjaan, liabiliti, cukai, caj, saman, prosiding, tindakan, tuntutan, sebarang permintaan atau remedi lain dalam apa jua bentuk, bagaimana sekalipun ia terhasil, sama ada timbul di bawah kontrak, tort atau sebaliknya, dan termasuk sebarang kehilangan keuntungan, pendapatan, perniagaan, nama baik atau peluang, sama ada boleh dijangka atau tidak, dan sama ada langsung, tidak langsung atau berbangkit.
<b>“Pengendali NAD”</b>	bermaksud Payments Network Malaysia Sdn Bhd (PayNet).
<b>“NAD”</b> <b>“National Addressing Database”</b>	atau bermaksud pangkalan data alamat pusat yang diwujudkan oleh Pengendali NAD yang menghubungkan akaun bank atau e-wang kepada ID DuitNow penerima dan memudahkan pembayaran dilakukan kepada penerima dengan merujuk kepada ID DuitNow penerima tersebut.
<b>“Data Peribadi”</b>	bermaksud sebarang maklumat (sama ada benar atau tidak) yang boleh mengenal pasti individu atau berkaitan dengan individu tersebut.
<b>“PIN”</b>	bermaksud nombor pengenalan peribadi bagi mana-mana perkhidmatan atau produk yang disediakan oleh Bank.

28.2. Dalam Terma ini, melainkan konteks memerlukan sebaliknya:

- (a) Tajuk tidak akan diambil kira dalam mentafsir peruntukan Terma ini.
- (b) Sebarang rujukan kepada Klausula adalah kepada Klausula dalam Terma ini.
- (c) Sebarang rujukan kepada “anda” termasuk individu yang atas namanya akaun diselenggara bersama Bank, individu yang ditawarkan produk atau perkhidmatan oleh Bank, dan (jika konteks memerlukan) mana-mana wakil undang-undang.
- (d) Sebarang rujukan kepada seseorang adalah termasuk badan korporat, pertubuhan tidak diperbadankan, perkongsian, amanah dan badan lain.
- (e) Perkataan “termasuk” atau “termasuk tetapi tidak terhad kepada” hendaklah difahami sebagai “termasuk tanpa had”.
- (f) Sebarang rujukan kepada tindakan termasuk kegagalan untuk bertindak.
- (g) Sebarang rujukan kepada mana-mana statut, peraturan, garis panduan, kod atau peraturan adalah rujukan kepada statut, peraturan, garis panduan, kod atau peraturan tersebut yang dipinda, diubah, divariasikan atau dikuatkuasakan semula dari semasa ke semasa.
- (h) “hari”, “bulan” atau “tahun” hendaklah ditafsirkan merujuk kepada kalendar Gregorian.

28.3. Jika terdapat sebarang ketidakselarasan antara versi Bahasa Inggeris Terma ini dan versi lain termasuk tetapi tidak terhad kepada versi Bahasa Malaysia, versi Bahasa Inggeris akan didahulukan dan mengatasi.

## Seksyen B – Terma Khusus Akaun GX Biz

Seksyen B (Terma Khusus Akaun GX Biz) ini menerangkan Terma Khusus yang terpakai bagi penyediaan akaun deposit perniagaan ("Akaun GX Biz") oleh Bank kepada anda. Rujukan kepada Seksyen A merujuk kepada Seksyen A (Terma dan Syarat Umum) Terma ini. Rujukan kepada nombor klausa yang didahului oleh 'A' merujuk kepada klausa yang sepadan dalam Seksyen A (Terma dan Syarat Umum) Terma ini.

### 1. Keperluan Pembukaan Akaun GX Biz

1.1. Untuk membuka Akaun GX Biz dengan Bank, anda sebagai orang sebenar :

- (a) mesti berumur sekurang-kurangnya 18 tahun, kecuali jika Bank bersetuju sebaliknya;
- (b) mesti seorang warganegara Malaysia dengan MyKad yang sah dan bermastautin di Malaysia. Jika terdapat sebarang perubahan pada kewarganegaraan dan/atau negara tempat tinggal anda selepas Akaun GX Biz anda dibuka, penyediaan perkhidmatan oleh kami kepada anda adalah tertakluk kepada pematuhan Klausa A7.2(a); dan
- (c) mesti memenuhi keperluan lain yang mungkin ditetapkan oleh Bank dari semasa ke semasa,

dan perniagaan anda, sebagai pemilik tunggal atau entiti sah:

- (d) mesti didaftarkan dengan badan pengawalseliaan, agensi kerajaan atau persatuan sektor yang dikawal selia di Malaysia; dan
- (e) mesti menjalankan atau akan menjalankan perniagaan.

1.2. Anda hanya dibenarkan memegang dan menyelenggara satu (1) Akaun GX Biz dengan Bank untuk setiap entiti sah. Jika anda cuba membuka atau menyelenggara lebih daripada satu Akaun GX Biz dengan Bank, ini merupakan pelanggaran tanggungjawab anda di bawah Terma ini, dan Bank berhak untuk menamatkan Terma ini serta menutup akaun-akaun anda dengan Bank mengikut Klausa A18 (Penutupan Akaun dan Penamatan), atau berhak untuk menggabung dan menyatukan akaun-akaun anda mengikut Klausa A13 (Hak Tolak-Selesai dan Lien).

### 2. Sub-Akaun

2.1. Akaun GX Biz anda akan mempunyai Akaun Utama dan Sub-Akaun. Jumlah Sub-Akaun yang boleh anda selenggara akan ditentukan oleh Bank dan akan dimaklumkan kepada anda dari semasa ke semasa.

2.2. Dana dalam setiap Sub-Akaun anda akan diasingkan dan diselenggara secara berasingan daripada dana dalam Akaun Utama anda dan dana dalam Sub-Akaun lain anda. Dana dalam Sub-Akaun anda boleh dipindahkan ke dan daripada Akaun Utama anda. Sebarang pemindahan dana ke nombor Akaun GX Biz anda secara lalai akan didepositkan ke dalam Akaun Utama anda.

### **3. Baki Minimum Dan Maksimum**

- 3.1. Bank berhak untuk menguatkuasa baki minimum bagi Akaun GX Biz anda.
- 3.2. Bank juga berhak untuk mengenakan had baki maksimum yang boleh disimpan dalam Akaun GX Biz anda. Jumlah baki maksimum akan ditentukan oleh Bank dan akan dimaklumkan kepada anda dari semasa ke semasa. Baki maksimum tersebut akan merangkumi baki terkumpul dalam Akaun Utama dan Sub-Akaun anda. Setelah baki maksimum dalam Akaun GX Biz anda dicapai, anda tidak akan dibenarkan untuk membuat sebarang deposit atau menerima pemindahan dana ke dalam Akaun GX Biz anda. Faedah akan terus dikira berdasarkan baki dalam setiap Akaun Utama dan Sub-Akaun anda dan dibayar oleh Bank ke dalam Akaun Utama dan Sub-Akaun berkenaan atau kepada anda melalui apa-apa cara lain. Bank juga boleh membuat kredit lain (contohnya: pulangan tunai atau ganjaran) ke dalam Akaun GX Biz anda selepas baki maksimum Akaun GX Biz anda dicapai.
- 3.3. Selain itu, mungkin terdapat had berasingan terhadap baki maksimum yang boleh disimpan dalam setiap Sub-Akaun anda. Jumlah had tersebut akan ditentukan oleh Bank dan dimaklumkan kepada anda dari semasa ke semasa. Apabila baki dalam mana-mana Sub-Akaun telah mencapai hadnya, anda tidak akan dibenarkan untuk membuat sebarang deposit atau menerima pemindahan dana ke dalam Sub-Akaun tersebut. Faedah akan terus dikira berdasarkan baki dalam mana-mana Sub-Akaun yang telah mencapai had tersebut, dan dibayar oleh Bank ke dalam Sub-Akaun atau kepada anda melalui apa-apa cara lain.

### **4. Faedah**

- 4.1. Bank akan membayar faedah kepada anda berdasarkan baki dalam setiap Akaun Utama dan Sub-Akaun anda. Kadar faedah akan ditentukan oleh Bank mengikut budi bicara kami dan dimaklumkan kepada anda dari semasa ke semasa. Bank boleh, mengikut budi bicara kami, mengubah kadar faedah dari semasa ke semasa, dan mempunyai hak untuk mengenakan kadar faedah mengikut budi bicara Bank tertakluk kepada keperluan undang-undang dan pengawalseliaan yang terpakai, ke atas baki dalam setiap Akaun Utama dan Sub-Akaun. Bank akan membayar faedah asas pada baki dalam setiap Akaun Utama dan Sub-Akaun anda, yang mungkin berbeza antara satu sama lain. Jika anda mempunyai lebih daripada satu Sub-Akaun, Bank boleh menetapkan kadar faedah yang berbeza bagi setiap Sub-Akaun. Sebarang perubahan kadar faedah akan dipaparkan di laman web Bank dan/atau aplikasi GX.
- 4.2. Faedah akan dikira setiap hari berdasarkan baki dalam setiap Akaun Utama dan Sub-Akaun anda pada akhir setiap hari, atau menggunakan kaedah lain yang mungkin ditentukan oleh Bank mengikut budi bicara kami dan dimaklumkan kepada anda dari semasa ke semasa.
- 4.3. Bank akan membayar faedah kepada anda dengan mengkreditkan ke setiap Akaun Utama dan Sub-Akaun anda setiap hari apabila jumlah faedah harian yang perlu dibayar bagi setiap Akaun Utama dan Sub-Akaun anda dibundarkan (naik atau turun) kepada sekurang-kurangnya RM0.01, atau pada sela masa yang lain, atau melalui apa-apa cara lain seperti yang ditentukan oleh Bank mengikut budi bicara kami dan dimaklumkan kepada anda dari semasa ke semasa. Faedah yang diperolehi akan dimasukkan ke Akaun Utama dan Sub-Akaun masing-masing pada hari yang sama. Jika faedah harian kurang daripada RM0.01, faedah tersebut akan menjadi sifar dan tidak akan dikreditkan ke Akaun Utama dan Sub-Akaun berkenaan. Apabila faedah harian kurang daripada RM0.01 pada masa akaun ditutup atas apa-apa sebab, faedah tersebut akan menjadi sifar dan tidak akan dikreditkan ke Akaun Utama dan Sub-Akaun yang berkaitan. Faedah yang dibayar tertakluk kepada potongan cukai atau sebarang cukai, levi atau bebanan lain yang boleh dikenakan oleh Pihak Berkuasa yang relevan dari semasa ke semasa.

- 4.4. Bank berhak untuk tidak membayar faedah sekiranya anda melanggar mana-mana tanggungjawab anda di bawah Klausula A7.1.

## **5. Pemindahan Dana**

- 5.1. Apabila anda mengarahkan Bank untuk membuat pemindahan dana, anda memberi kebenaran kepada kami untuk mendebitkan jumlah yang bersesuaian daripada Akaun GX Biz anda berserta sebarang caj, perbelanjaan, yuran penyelenggaraan atau yuran dan caj munasabah lain yang dikenakan oleh Bank atau cukai yang terpakai sama ada sedang berkuat kuasa atau akan dikuatkuasakan oleh Undang-Undang Terpakai untuk perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan. Jika sebarang pendebitan menyebabkan akaun anda terlebih keluar (overdraft), anda bertanggungjawab untuk membayar jumlah tertunggak tersebut atas permintaan Bank, berserta yuran, caj, perbelanjaan dan faedah yang terkumpul ke atas jumlah tertunggak pada kadar yang mungkin ditentukan oleh Bank. Kadar faedah akan ditentukan oleh Bank dari semasa ke semasa berdasarkan kadar faedah semasa Bank dan akan dimaklumkan kepada anda melalui penerbitan di laman web kami dan/atau aplikasi GX.
- 5.2. Kami boleh, atas permohonan anda, menerima arahan tetap untuk memindahkan dana daripada akaun anda kepada penerima secara berkala. Anda bertanggungjawab memastikan bahawa akaun anda mempunyai dana mencukupi untuk pemindahan berkala tersebut. Arahan tetap ini akan kekal berkuat kuasa melainkan kami menerima arahan anda untuk membatalkan pemindahan berkala tersebut. Kami boleh menghentikan pemprosesan mana-mana arahan tetap tersebut jika terdapat dana yang tidak mencukupi dalam akaun anda atau atas apa-apa sebab lain, tanpa notis terlebih dahulu kepada anda dan tanpa perlu memberikan sebarang alasan. Bank berhak mengenakan caj pentadbiran sekiranya anda memberikan arahan tetap untuk pemindahan berkala tetapi tiada dana yang mencukupi dalam akaun anda.
- 5.3. Pemindahan dana mungkin tertakluk pada had transaksi yang ditetapkan di bawah Undang-Undang Terpakai, oleh peraturan atau garis panduan yang mengawal PayNet atau sistem pembayaran, atau oleh Bank. Sebarang had transaksi yang ditetapkan oleh Bank akan dimaklumkan kepada anda.
- 5.4. Pemindahan dana mungkin tidak dapat diproses disebabkan keadaan berkaitan penerima.
- 5.5. Anda bertanggungjawab untuk memastikan dan mengesahkan bahawa butiran penerima yang anda hantar dana, serta jumlah dana yang hendak dipindahkan, adalah tepat. Bank tidak mempunyai kewajipan untuk memeriksa sama ada penerima adalah penerima yang anda maksudkan. Jika anda secara tidak sengaja memindahkan dana kepada penerima yang salah atau memindahkan jumlah dana yang salah, dan anda segera memaklumkan Bank mengenai kesilapan tersebut, Bank akan berusaha membantu anda mendapatkan semula dana tersebut. Walau bagaimanapun, tiada jaminan bahawa Bank dapat berbuat demikian, dan Bank tidak bertanggungjawab atau menanggung sebarang Kerugian yang anda alami akibat menghantar dana kepada penerima yang salah atau menghantar jumlah dana yang salah.
- 5.6. Jika anda menerima pemindahan dana daripada sumber yang tidak dijangka, anda mesti segera memaklumkan Bank. Anda hendaklah bekerjasama dengan Bank dalam penyiasatan sumber dana tersebut, dan Bank berhak untuk membalikkan sebarang pemindahan dana di mana penghantar telah melakukan kesilapan dalam menghantar dana kepada anda.
- 5.7. Bagi pemindahan dana antara akaun yang diselenggara dengan Bank (contohnya daripada akaun anda ke akaun lain yang diselenggara dengan Bank dan sebaliknya), anda bersetuju dan memberi kebenaran kepada Bank untuk (a) mengenal pasti anda kepada pemegang akaun lain, dan (b) mendedahkan kepada pemegang akaun lain bahawa anda adalah pelanggan Bank, berdasarkan Data Peribadi anda (seperti nama dan nombor telefon bimbit anda).

- 5.8. Bank berhak untuk tidak memproses mana-mana arahan pemindahan dana anda mengikut Klausula A2.8 (Arahan).
- 5.9. Sekiranya Bank menerima notis bahawa dana telah dikreditkan atau dipindahkan ke dalam Akaun GX Biz anda secara salah, keliru atau melalui maklumat mengelirukan (“dana tidak dimaksudkan”) yang diberikan kepada pembayar dana tersebut, Bank berhak untuk segera menahan dana tersebut. Anda bersetuju dan mengakui bahawa anda tidak berhak menggunakan sebarang dana dalam akaun yang bukan milik anda. Anda juga mengakui bahawa tindakan boleh diambil terhadap anda jika anda didapati telah menyalahgunakan dana tidak dimaksudkan yang menjadi milik pembayar atau jika anda didapati terlibat dalam sebarang transaksi penipuan (contoh: akaun keldai).
- 5.10. Akaun GX Biz anda dilindungi oleh PIDM sehingga RM250,000 bagi setiap pendeposit. Anda mengakui bahawa dana yang dikeluarkan daripada Akaun GX Biz anda tidak lagi dilindungi oleh PIDM jika dipindahkan ke akaun deposit yang dibayar di luar Malaysia, akaun deposit yang dipegang oleh institusi kewangan yang menjalankan perniagaan perbankan Labuan atau perniagaan perbankan Islam Labuan, akaun deposit yang dipegang oleh ahli PIDM yang bukan penerima deposit, akaun bukan deposit seperti unit amanah dan akaun dagangan sekuriti atau akaun deposit yang tidak diinsuranskan seperti akaun pelaburan berkaitan emas.
- 5.11. Bank tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang Kerugian yang anda alami akibat daripada sebarang pemindahan dana atau sebarang pemindahan dana yang tidak diproses, tidak diselesaikan atau tidak diterima oleh anda, kecuali jika Kerugian tersebut disebabkan oleh kecuaiian serius, salah laku sengaja atau penipuan daripada pihak kami. Selain itu, Bank tidak bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas tindakan pengendali PayNet atau mana-mana sistem pembayaran lain yang digunakan untuk pemindahan dana, atau sebarang ketidakterseediaan PayNet atau sistem pembayaran seumpamanya.

## **6. Pembayaran dan Pemindahan Melalui Saluran di PayNet**

- 6.1. Bagi pembayaran atau pemindahan yang anda lakukan atau terima melalui saluran yang dikendalikan oleh PayNet, penyedia Rangkaian Pembayaran Runcit Kebangsaan, anda bersetuju bahawa ia akan diproses mengikut peraturan dan prosedur operasi PayNet (secara kolektif “Peraturan”).
- 6.2. Anda juga mengakui bahawa bagi sebarang pertikaian berhubung pemindahan atau pembayaran (contoh: akibat kesilapan, maklumat salah atau mengelirukan atau akibat penipuan), Bank akan mengikut Peraturan tersebut dan akan melaksanakan hak yang diperuntukkan oleh Peraturan termasuk mendebitkan jumlah yang dipertikai daripada Akaun GX Biz anda dan memulangkannya kepada penghantar jika anda gagal membuktikan pemilikan anda terhadap jumlah tersebut. Bank juga berhak untuk menandakan jumlah pertikaian tersebut sebaik sahaja menerima notis pertikaian mengikut kaedah yang kami tentukan secara munasabah.
- 6.3. Bank tidak akan bertanggungjawab kepada anda atas sebarang tuntutan, kerugian, kerosakan, penalti, caj, kos dan perbelanjaan yang anda tanggung berkaitan dengan kepatuhan Bank terhadap Peraturan tersebut.
- 6.4. Semua borang, dokumen atau resit yang ditandatangani oleh pemegang akaun dan sebarang data elektronik atau imej mana-mana borang, dokumen, arahan atau dokumen elektronik lain yang disahkan, ditentusahkan dan/atau dilaksanakan oleh pemegang akaun berkaitan dengan sebarang transaksi atau perkara di bawah Akaun GX Biz (“transaksi di atas”) serta buku



dan/atau rekod Bank yang membuktikan transaksi di atas dianggap muktamad, tepat, konklusif dan mengikat pemegang akaun kecuali terdapat kesilapan nyata di pihak Bank.

## **7. Penutupan dan Penamatan Akaun**

- 7.1. Jika anda ingin menamatkan atau menutup akaun anda dengan Bank mengikut Klausula A18.1, anda hendaklah memindahkan semua dana keluar dari akaun anda dengan Bank sebelum penamatan atau penutupan akaun tersebut berkuat kuasa.
- 7.2. Bank berhak untuk menamatkan penyediaan mana-mana perkhidmatan atau produk kepada anda dan menutup akaun anda, serta-merta, dengan atau tanpa notis kepada anda jika:
  - (a) anda tidak memenuhi keperluan pendanaan untuk tujuan pengesahan akaun dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh pembukaan akaun;
  - (b) anda tidak membuat sebarang transaksi menggunakan akaun tersebut dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh pembukaan akaun;
  - (c) Bank mengesyaki bahawa akaun anda digunakan untuk sebarang aktiviti penipuan atau pada pandangan munasabah Bank, sebarang maklumat/dokumen yang diserahkan kepada Bank untuk pembukaan akaun adalah palsu dan/atau tidak betul dan/atau telah diusik dan/atau terdapat salah representasi identiti;
  - (d) akaun anda diselenggara dan/atau digunakan untuk tujuan peribadi dan bukan untuk tujuan perniagaan; atau
  - (e) anda gagal untuk memberikan pengisytiharan dan/atau memberikan maklumat dan dokumen yang diminta oleh Bank bagi tujuan penilaian wajar dalam tempoh masa yang ditetapkan.
- 7.3. Sementara menunggu penutupan akaun anda, Bank boleh enggan menerima sebarang deposit, menahankan jumlah yang boleh didepositkan serta menahan dan/atau menggantung pembayaran sebarang dana daripada baki kredit dalam akaun tersebut dan/atau menolak atau tidak melaksanakan sebarang transaksi termasuk pengeluaran dana berkaitan akaun anda (termasuk pemindahan dan pemindahan telegrafik daripada atau ke akaun anda).
- 7.4. Klausula 7 (Penutupan dan Penamatan Akaun) ini akan terus berkuat kuasa walaupun selepas penamatan Terma ini.

## **8. Akaun Dorman**

- 8.1. Anda bersetuju bahawa jika tiada sebarang transaksi (selain daripada transaksi kredit dan/atau debit yang dilakukan oleh Bank untuk tujuan mengkreditkan faedah ke dalam akaun atau mendebitkan yuran dan/atau caj yang perlu anda bayar kepada Bank) dilakukan pada Akaun GX Biz anda untuk tempoh dua belas (12) bulan berturut-turut atau tempoh lain yang ditentukan oleh Bank mengikut budi bicaranya, Bank boleh menganggap akaun tersebut sebagai dorman dan mengenakan caj atau yuran tahunan ke atas akaun dorman tersebut. Jika baki dalam akaun tidak mencukupi untuk caj atau yuran yang dikenakan, keseluruhan baki akaun akan didebitkan dan dibayar kepada Bank sebagai yuran perkhidmatan, selepas itu Akaun GX Biz anda akan ditutup dengan memberi anda notis empat belas (14) hari terlebih dahulu.
- 8.2. Setelah akaun anda dianggap dorman, kami akan menggantung pengiraan faedah untuk akaun tersebut. Pengiraan faedah akan bermula semula setelah akaun dorman diaktifkan semula.
- 8.3. Sebaik sahaja Akaun GX Biz anda dianggap dorman, tiada transaksi kredit dan/atau debit (selain daripada transaksi kredit dan/atau debit yang dilakukan oleh Bank bagi tujuan mendebitkan yuran dan/atau caj yang perlu anda bayar kepada Bank) dibenarkan pada akaun tersebut sehingga akaun tersebut diaktifkan semula. Anda boleh mengaktifkan semula akaun

atau menutupnya pada bila-bila masa sebelum baki kredit dipindahkan kepada Pendaftar Wang Tak Dituntut.

- 8.4 Anda bersetuju bahawa di bawah Akta Wang Tak Dituntut 1965 atau sebarang pindaan statutori kepadanya, sebarang baki dalam akaun tanpa sebarang transaksi yang dimulakan oleh pelanggan selama tujuh (7) tahun mesti diwartakan sebagai “Wang Tak Dituntut” dan hendaklah diserahkan kepada Pendaftar Wang Tak Dituntut dan selepas itu akaun anda akan ditutup. Sebarang tuntutan untuk “Wang Tak Dituntut” mesti dibuat terus kepada Pendaftar Wang Tak Dituntut.

## 9. Penyata Akaun

- 9.1 Penyata Akaun GX Biz anda akan dikemukakan setiap bulan atau pada masa lain yang mungkin ditetapkan oleh Bank dan dimaklumkan kepada anda melalui aplikasi GX. Anda mesti memeriksa semua catatan dalam penyata akaun dan segera memaklumkan Bank jika terdapat sebarang kesilapan. Kami berhak menganggap catatan yang dinyatakan dalam penyata akaun adalah betul, tepat, muktamad dan mengikat anda jika (a) kami tidak menerima sebarang pemberitahuan daripada anda mengenai sebarang kesilapan atau transaksi tidak sah, atau (b) anda tidak membantah sebarang catatan yang dinyatakan dalam penyata akaun anda, dalam tempoh empat belas (14) hari dari hari penyata akaun tersebut disediakan untuk anda, dan anda hendaklah dianggap telah menerima catatan yang dibuat sehingga tarikh catatan terakhir dalam penyata akaun tersebut, sebagai betul dan melepaskan Bank daripada sebarang liabiliti.

## 10. Tiada Deposit Tunai

- 10.1 Anda tidak boleh menandatangani wang tunai (dalam bentuk wang kertas fizikal atau syiling) ke dalam Akaun GX Biz anda, sama ada melalui mana-mana ATM di Malaysia atau sebaliknya.

## 11. Tiada Cek

- 11.1 Akaun GX Biz anda tidak mempunyai kemudahan cek, dan anda tidak boleh menandatangani sebarang cek dengan Bank.

## 12. Takrifan dan Tafsiran

- 12.1 Dalam Seksyen B (Terma Khusus Akaun GX Biz) ini, perkataan yang bermula dengan huruf besar mempunyai maksud berikut:

“ATM”	bermaksud mesin juruwang automatik.
“Entiti Sah”	bermaksud sebarang entiti selain daripada orang sebenar yang boleh mewujudkan hubungan pelanggan kekal dengan Bank. Ini termasuk syarikat, badan korporat, syarikat berkaitan kerajaan (GLC), yayasan, perkongsian, atau persatuan dan entiti serupa yang lain.
“Orang Sebenar”	bermaksud mana-mana individu yang bertindak secara langsung atas kepentingan peribadi, dan bukannya mewakili sesebuah organisasi, perdagangan, perniagaan atau profesion.
“Perkongsian”	bermaksud perniagaan yang dimiliki oleh dua atau lebih orang tetapi tidak melebihi 20 orang, di mana nama kad pengenalan seseorang individu tidak boleh digunakan sebagai nama perniagaan.
“PayNet”	bermaksud Payments Network Malaysia Sdn. Bhd.
“PIDM”	bermaksud Perbadanan Insurans Deposit Malaysia.

“Entiti Berkaitan”	bermaksud semua syarikat berkaitan dan syarikat bersekutu kepada (a) Bank, (b) syarikat induk Bank, dan (c) syarikat induk utama Bank. “Entiti Berkaitan” hendaklah ditafsirkan sewajarnya.
“Pemilik Tunggal”	bermaksud perniagaan yang dimiliki sepenuhnya oleh seorang individu sama ada menggunakan nama dagangan atau nama peribadi (mengikut kad pengenalannya) sebagai nama perniagaan.
“SSM”	bermaksud Suruhanjaya Syarikat Malaysia

### Seksyen C – Terma Khusus GX Biz FlexiLoan

**Seksyen C (Terma Khusus GX Biz FlexiLoan)** ini menerangkan Terma Khusus di mana Bank menawarkan kepada anda had kredit pusingan (“FlexiLoan”). Rujukan kepada Seksyen A merujuk kepada Seksyen A (Terma dan Syarat Umum) dan rujukan kepada Seksyen B merujuk kepada Seksyen B (Terma Khusus Akaun GX Biz) dalam Terma ini. Rujukan kepada nombor klausa yang didahului oleh ‘A’ merujuk kepada klausa yang sepadan dalam Seksyen A (Terma dan Syarat Umum) Terma ini, dan rujukan kepada nombor klausa yang didahului oleh ‘B’ merujuk kepada klausa yang sepadan dalam Seksyen B (Terma Khusus Akaun GX Biz) dalam Terma ini.

Apabila anda membuka Akaun GX Biz dengan Bank, anda juga bersetuju dengan terma dan syarat yang terpakai bagi FlexiLoan.

#### 1. Mengenai FlexiLoan

- 1.1. **Gambaran Umum** – FlexiLoan ialah penawaran kredit pusingan yang boleh anda akses melalui aplikasi mudah alih yang diterbitkan dan diselenggarakan oleh Bank di mana Bank menyediakan perkhidmatan dan produk yang dinyatakan di bawah Terma ini (“aplikasi GX”).
- 1.2. **Had Kredit dan Pinjaman** – FlexiLoan memberikan anda had kredit (“Had Kredit”) yang membolehkan anda membuat beberapa pengeluaran pinjaman (setiap pengeluaran pinjaman disebut “Pinjaman”) sehingga penggunaan penuh Had Kredit tersebut.
- 1.3. **Bayaran Balik dan Faedah** – FlexiLoan memerlukan pembayaran balik bulanan sepanjang tempoh Pinjaman, dan faedah dikira berdasarkan pengiraan harian.
- 1.4. **Prabayaran (bayaran awal)** – Anda dibenarkan membuat prabayaran (bayaran awal) ke atas Pinjaman anda. Sebarang prabayaran akan digunakan untuk mengurangkan jumlah prinsipal dan caj faedah yang kena dibayar atas Pinjaman anda mengikut Klausa 6 (Prabayaran). Caj faedah untuk hari-hari berikutnya akan berkurangan akibat pengurangan amaun prinsipal yang dikenakan faedah. Pengurangan prinsipal ini juga akan mengurangkan jumlah faedah dalam ansuran bulanan anda yang seterusnya.
- 1.5. **Memilih Tarikh Bayaran Balik** – Apabila anda melakukan pengeluaran Pinjaman pertama, anda boleh memilih tarikh bayaran balik anda (“Tarikh Ansuran”) dan tempoh pinjaman pilihan. Pinjaman seterusnya akan mempunyai Tarikh Ansuran yang sama sehingga semua Pinjaman sedia ada dilunaskan sepenuhnya.
- 1.6. **Pencairan Dana** – Dana yang dikeluarkan daripada FlexiLoan akan dimasukkan ke dalam Akaun GX Biz anda.

- 1.7. **Proses Bayaran Balik** – Anda mesti membuat bayaran balik bulanan untuk setiap Pinjaman melalui Aplikasi GX menggunakan dana daripada Akaun GX Biz anda. Tiada yuran pendahuluan dikenakan, tetapi bayaran lewat mungkin dikenakan caj tambahan seperti yang dinyatakan dalam Klausa 7 (Bayaran Lewat dan Caj Lewat).
- 1.8. **Perkhidmatan Digital Dan Tanpa Kertas** – Kami mengutamakan perkhidmatan digital dan tanpa kertas, oleh itu anda boleh memuat turun penyata bulanan anda menggunakan aplikasi GX
- 1.9. **Terma Khusus** – Seksyen C (Terma Khusus GX Biz FlexiLoan) ini menetapkan Terma Khusus di mana Bank menawarkan FlexiLoan kepada anda.

## 2. Permohonan dan Had Kredit

- 2.1. Anda boleh memohon dan mengekalkan satu (1) FlexiLoan bagi setiap entiti perniagaan.
- 2.2. Dengan memohon FlexiLoan, anda bersetuju untuk terikat dengan Terma Khusus GX Biz FlexiLoan ini dan Terma dan Syarat Umum, termasuk sebarang pindaan pada masa hadapan. Anda dianggap telah membaca, memahami dan menerima setiap peruntukan dalam Terma ini.
- 2.3. Bank akan menilai permohonan FlexiLoan anda berdasarkan pelbagai kriteria, termasuk kemampuan anda untuk membayar semula sebarang jumlah yang anda pinjam. Butiran mengenai FlexiLoan anda, seperti Had Kredit dan kadar faedah, akan dipaparkan dalam aplikasi GX.
- 2.4. Sebagai sebahagian daripada proses permohonan FlexiLoan, anda perlu mengemukakan kepada Bank dokumen-dokumen berikut dan/atau sebarang dokumen dan/atau maklumat tambahan seperti yang ditetapkan oleh Bank semasa proses permohonan:
  - (a) pengesahan identiti orang yang diberi kuasa (termasuk sesiapa yang bertindak bagi pihak entiti sah) yang menerima FlexiLoan atau melakukan pengeluaran Pinjaman; dan
  - (b) jika perniagaan anda ialah entiti sah, satu resolusi lembaga pengarah atau resolusi perkongsian (jika berkenaan) dalam bentuk dan kandungan seperti yang mungkin ditetapkan oleh Bank atau boleh diterima oleh Bank.
- 2.5. Kami boleh meluluskan atau menolak permohonan FlexiLoan anda tanpa memberikan sebarang alasan.
- 2.6. Kami boleh meminta dokumen tambahan atau maklumat berkaitan permohonan FlexiLoan anda jika kami menganggapnya perlu.
- 2.7. Setelah permohonan FlexiLoan anda diluluskan, anda akan dimaklumkan tentang Had Kredit anda (yang tidak boleh anda melangkaui) dan anda boleh segera membuat pengeluaran Pinjaman sehingga had tersebut.
- 2.8. Had Kredit yang diperuntukkan kepada anda adalah tertakluk kepada budi bicara kami dan sebarang permintaan anda untuk peningkatan Had Kredit akan tertakluk kepada penilaian kami.
- 2.9. Sebarang jumlah prinsipal yang telah dibayar balik bagi Pinjaman Tertunggak anda akan dikembalikan semula ke dalam Had Kredit anda untuk pengeluaran Pinjaman pada masa hadapan.

## 3. Pengeluaran Pinjaman

- 3.1. FlexiLoan membolehkan anda membuat satu Pengeluaran Pinjaman atau beberapa Pengeluaran Pinjaman, selagi jumlah prinsipal keseluruhan Pinjaman adalah dalam Had Kredit yang telah ditetapkan untuk anda. Anda boleh memilih jumlah dan tempoh Pinjaman yang anda kehendaki, tertakluk kepada kelulusan kami. Anda bersetuju untuk menerima jumlah dan tempoh Pinjaman sebagaimana yang diluluskan oleh kami, yang tidak akan melebihi jumlah dan tempoh yang anda mohon.
- 3.2. Bank berhak untuk menetapkan jumlah minimum dan maksimum pengeluaran Pinjaman serta tempoh Pinjaman, yang boleh berubah dari semasa ke semasa.
- 3.3. Permintaan anda untuk pengeluaran Pinjaman mesti memenuhi syarat-syarat berikut:
  - (a) jumlah keseluruhan yang dikeluarkan tidak boleh melebihi Had Kredit yang tersedia;
  - (b) setiap Pinjaman mesti sekurang-kurangnya Ringgit Malaysia Seribu (RM1,000) (atau apa-apa jumlah lain yang mungkin ditentukan oleh Bank); dan
  - (c) setiap Pinjaman mesti untuk tujuan perniagaan semata-mata dan bukan untuk kegunaan peribadi.
- 3.4. Apabila sesuatu Pinjaman diluluskan dan disalurkan, jumlah yang bersamaan akan ditolak daripada Had Kredit tersedia anda dan jumlah tersebut akan tersedia semula seperti yang dinyatakan dalam Klausa 1.7 di atas. Sebarang yuran dan caj yang terpakai akan ditolak sebelum Pinjaman disalurkan.
- 3.5. Setiap Pinjaman akan dimasukkan ke dalam Akaun GX Biz anda, dan satu akaun pinjaman akan diwujudkan untuk setiap Pinjaman yang dikeluarkan ("Akaun Pinjaman").
- 3.6. Anda akan menerima pengesahan melalui e-mel bagi setiap pengeluaran Pinjaman yang berjaya. E-mel ini akan mengandungi butiran Pinjaman ("Butiran Pinjaman") dan hendaklah dibaca bersama-sama dengan Terma Khusus GX Biz FlexiLoan untuk membentuk dokumentasi lengkap bagi pengeluaran Pinjaman tersebut.

#### **4. Kadar Faedah**

- 4.1. Bank akan mengenakan faedah ke atas setiap Pinjaman yang berjaya dikeluarkan, bermula daripada tarikh anda pertama kali membuat pengeluaran sehinggalah anda membayar balik Pinjaman tersebut sepenuhnya, pada kadar faedah seperti dinyatakan dalam Butiran Pinjaman anda.
- 4.2. Faedah ke atas FlexiLoan anda akan terkumpul setiap hari dan dikira berdasarkan jumlah hari sebenar yang telah berlalu, menggunakan sama ada tahun 360 hari atau 365 hari, atau seperti yang mungkin ditentukan oleh kami mengikut amalan pasaran yang terpakai.
- 4.3. Bank mempunyai budi bicara sepenuhnya untuk menentukan kadar faedah yang terpakai bagi setiap Pinjaman yang dikeluarkan.
- 4.4. Anda bersetuju untuk membayar faedah yang dikenakan ke atas setiap Pinjaman yang anda keluarkan, sebagai sebahagian daripada ansuran bulanan Pinjaman anda.
- 4.5. Jika tarikh pengeluaran Pinjaman dan Tarikh Ansuran pertama bagi Pinjaman tersebut tidak jatuh pada hari yang sama, faedah hari ganjil ("ODI") akan dikenakan pada Tarikh Ansuran pertama. ODI dikira setiap hari berdasarkan tahun 365 hari, bermula dari tarikh pengeluaran Pinjaman sehingga hari sebelum Tarikh Ansuran pertama (kedua-dua hari termasuk). Pada Tarikh Ansuran pertama, bayaran ansuran bulanan pertama anda akan digunakan terlebih dahulu untuk menampung jumlah ODI, dan bakinya akan digunakan untuk mengurangkan

jumlah prinsipal Pinjaman. Jika tarikh pengeluaran Pinjaman dan Tarikh Ansuran pertama adalah sama, ODI tidak terpakai.

- 4.6. Jika anda tidak mematuhi kewajipan pembayaran balik anda, kami mungkin mengenakan kadar faedah yang berbeza seperti yang dinyatakan dalam Klausa 7 (Bayaran Lewat dan Caj Lewat) di bawah. Faedah akan terus perlu dibayar sehingga tarikh pembayaran sebenar dibuat, sebelum dan selepas sebarang penghakiman yang mungkin dibuat berkenaan pelaksanaan tanggungjawab anda.

## **5. Bayaran Balik**

- 5.1. Setiap Pinjaman yang diberikan kepada anda hendaklah dibayar balik melalui ansuran bulanan sama rata ("EMI") sepanjang tempoh Pinjaman tersebut, dan setiap ansuran bulanan adalah jumlah tetap yang terdiri daripada komponen prinsipal dan faedah.
- 5.2. Bagi setiap ansuran bulanan sesuatu Pinjaman, Bank akan memperuntukkan ansuran bulanan tersebut kepada amaun faedah dan amaun prinsipal yang perlu dibayar untuk bulan tertentu tersebut.
- 5.3. Jumlah ansuran bulanan dan Tarikh Ansuran bulanan akan dinyatakan dalam Butiran Pinjaman bagi setiap Pinjaman yang dikeluarkan. Kami boleh mengubah jumlah ansuran bulanan dan tempoh Pinjaman pada bila-bila masa dengan memberi anda notis awal dua puluh satu (21) hari.
- 5.4. Bagi pengeluaran Pinjaman pertama anda, anda boleh memilih tarikh pembayaran balik bulanan pilihan anda (kecuali hari 1 hingga 3 setiap bulan). Tarikh pembayaran balik bulanan bagi Pinjaman seterusnya akan mengikuti tarikh pembayaran balik bulanan bagi Pinjaman pertama.
- 5.5. Jika tarikh pembayaran balik yang dipilih (contohnya, hari ke-31) tidak wujud dalam bulan tertentu (contohnya, Februari), maka Tarikh Ansuran untuk bulan tersebut akan secara automatik ditetapkan pada hari terakhir bulan tersebut (contohnya, hari ke-28).
- 5.6. Anda bersetuju untuk membayar jumlah penuh ansuran bulanan yang perlu dibayar bagi setiap bulan pada atau sebelum Tarikh Ansuran bulanan (seperti dinyatakan dalam Butiran Pinjaman yang dimaklumkan kepada anda) sepanjang tempoh Pinjaman, atau sehingga Pinjaman dan semua faedah serta jumlah lain yang kena dibayar di bawah Pinjaman tersebut dibayar sepenuhnya. Jika anda gagal membayar jumlah ansuran bulanan sepenuhnya apabila tiba masanya, anda mungkin dikenakan caj lewat seperti yang dinyatakan dalam Klausa 7 (Bayaran Lewat dan Caj Lewat) di bawah.
- 5.7. Setelah Pinjaman disalurkan ke dalam Akaun GX Biz anda, caj faedah akan bermula dan EMI bagi Pinjaman tersebut adalah perlu dibayar walaupun anda tidak memindahkan dana keluar daripada Akaun GX Biz anda atau tidak menggunakan dana tersebut untuk membuat sebarang pembayaran.
- 5.8. Semua ansuran bulanan berkenaan sesuatu Pinjaman hendaklah dibayar melalui aplikasi GX daripada Akaun GX Biz anda ke Akaun Pinjaman yang sepadan, atau melalui saluran lain yang mungkin kami sediakan kepada anda dari semasa ke semasa.
- 5.9. Jika anda memilih untuk mengaktifkan fungsi auto-debit, pada tarikh pembayaran balik bulanan, dana dalam Akaun GX Biz anda akan didebitkan dengan jumlah EMI dan digunakan untuk membayar amaun yang perlu dibayar bagi bulan tersebut. Fungsi auto-debit hanya akan berfungsi jika anda mempunyai dana mencukupi dalam Akaun GX Biz anda untuk menampung ansuran tersebut. Jika anda tidak mempunyai dana yang mencukupi dalam Akaun GX Biz

anda, auto-debit akan ditolak dan anda bertanggungjawab untuk melakukan pemindahan dana secara manual daripada Akaun GX Biz anda ke Pinjaman berkenaan.

- 5.10. Setiap Pinjaman yang dikeluarkan akan mempunyai Akaun Pinjaman yang sepadan dan sebarang bayaran ansuran bulanan bagi sesuatu Pinjaman mesti dibayar ke Akaun Pinjaman yang bersesuaian. Ansuran bulanan bagi sesuatu Pinjaman tidak akan dianggap telah dibayar sehingga dana diterima oleh Bank untuk Pinjaman tersebut.
- 5.11. Jika anda memilih untuk membayar sepenuhnya atau melangsaikan suatu Pinjaman sebelum tamat tempoh Pinjaman tersebut, anda mesti membayar jumlah baki tertunggak yang tinggal pada Pinjaman tersebut yang merangkumi baki prinsipal, faedah yang telah dikenakan, yuran dan sebarang tunggakan tertunggak.

## **6. Prabayaran**

- 6.1. Sebarang jumlah dana yang dibayar terus kepada sesuatu Pinjaman apabila tiada jumlah yang perlu dibayar atau tertunggak (termasuk faedah, prinsipal, yuran, caj atau tunggakan) akan dianggap sebagai prabayaran awal oleh anda ("Prabayaran").
- 6.2. Anda boleh membuat prabayaran terhadap Pinjaman anda, sama ada sebahagian atau sepenuhnya, pada bila-bila masa sebelum tarikh yang perlu dibayar dengan membuat bayaran terus kepada Pinjaman tersebut sebelum Tarikh Ansuran yang dijadualkan.
- 6.3. Sebarang Prabayaran yang dibuat sebelum Tarikh Ansuran akan digunakan untuk:
  - (a) Pertama, membayar sebarang faedah yang telah akru ke atas Pinjaman tersebut sehingga tarikh Prabayaran dibuat; dan
  - (b) Kedua, mengurangkan amaun prinsipal tertunggak bagi Pinjaman tersebut.
- 6.4. Disebabkan ciri pengurangan prinsipal FlexiLoan yang diaktifkan melalui sebarang Prabayaran, jumlah faedah keseluruhan yang dikenakan mungkin lebih rendah sekiranya prinsipal telah dikurangkan. Ini bermakna amaun faedah pada masa hadapan akan berkurangan disebabkan prinsipal yang lebih rendah dikenakan caj faedah, lantas mengurangkan caj faedah masa depan. Selepas itu, sebarang ansuran bulanan seterusnya akan mengurangkan lagi amaun prinsipal lebih daripada jangkaan awal.
- 6.5. Sekiranya jumlah Prabayaran adalah sama dengan jumlah tertunggak keseluruhan bagi Pinjaman tersebut, maka Prabayaran tersebut akan menyelesaikan Pinjaman tersebut sepenuhnya, dan Pinjaman tersebut akan dianggap telah dilangsaikan dan ditutup.

## **7. Bayaran Lewat Dan Caj Lewat**

- 7.1. Sebarang jumlah yang perlu dibayar pada Tarikh Ansuran tetapi masih tidak dibayar satu hari selepas Tarikh Ansuran akan dianggap tertunggak.
- 7.2. Jika terdapat tunggakan dan/atau bayaran lewat bagi ansuran bulanan (atau sebarang faedah, yuran dan caj lain), Bank akan mengenakan caj lewat ("Caj Lewat") sebanyak 1% setahun yang dikira secara harian (berdasarkan tahun 365 hari) ke atas jumlah tunggakan, dikira bermula dari hari selepas Tarikh Ansuran sehingga tarikh pembayaran penuh dibuat, sama ada sebelum atau selepas sebarang tuntutan atau penghakiman.
- 7.3. Kami boleh menyemak semula Caj Lewat yang terpakai terhadap Pinjaman anda dari semasa ke semasa dengan memberi anda notis 21 hari sebelum kadar yang disemak semula berkuat kuasa.

## **8. Pembatalan FlexiLoan**

- 8.1. Anda boleh membatalkan FlexiLoan anda sepenuhnya pada bila-bila masa tanpa sebarang yuran, dengan syarat anda telah membayar sepenuhnya semua jumlah tertunggak yang perlu dibayar kepada kami.

## **9. Peristiwa Keingkaran**

- 9.1. Jika mana-mana peristiwa yang dinyatakan dalam Klausula 9.2 di bawah (“Peristiwa Keingkaran”) berlaku:

- (a) Kami tidak akan mempunyai sebarang kewajipan dan/atau komitmen selanjutnya kepada anda berhubung FlexiLoan anda dan/atau sebarang Pinjaman yang anda keluarkan;
- (b) Semua wang dan faedah yang terhutang kepada kami di bawah sebarang Pinjaman yang anda keluarkan, dan sebarang jumlah lain yang anda berhutang kepada kami, akan serta-merta perlu dibayar atas permintaan kami. Kami akan mempunyai hak untuk serta-merta mendapatkan semula semua wang dan faedah tersebut melalui potongan automatik daripada Akaun GX Biz anda;
- (c) Sebarang jumlah harian tambahan yang tidak dapat diperolehi selepas itu akan dikenakan caj menurut Klausula 7 (Bayaran Lewat dan Caj Lewat) di atas, beserta sebarang kos dan yuran lain yang perlu anda bayar; dan
- (d) Kami berhak melaksanakan semua hak, remedi dan kuasa yang mungkin tersedia kepada kami di bawah Terma ini atau seperti yang diperuntukkan oleh undang-undang.

- 9.2. Berikut adalah Peristiwa Keingkaran:

- (a) Sebarang peristiwa yang dinyatakan di bawah Klausula A18.3 (Penutupan Akaun dan Penamatan);
- (b) Jika anda gagal mematuhi, melaksanakan atau memenuhi Terma ini, Butiran Pinjaman atau sebarang notis yang dikeluarkan oleh kami;
- (c) Penarafan kredit anda, seperti yang ditentukan oleh kami, telah merosot;
- (d) Jika, pada pandangan munasabah kami, terdapat perubahan atau ancaman perubahan dalam keadaan yang akan memberi kesan dan buruk kepada keadaan kewangan anda dan/atau keupayaan anda untuk melaksanakan mana-mana tanggungjawab anda di bawah Terma ini;
- (e) Jika kami mengesyaki atau mempunyai alasan untuk mempercayai bahawa mana-mana Pinjaman yang anda keluarkan atau mana-mana bahagiannya digunakan untuk sebarang aktiviti yang menyalahi undang-undang; atau
- (f) Jika berlaku perubahan dalam Undang-Undang Terpakai yang menjadikan mustahil atau menyalahi undang-undang bagi kami untuk terus menyediakan FlexiLoan anda dan/atau sebarang Pinjaman yang anda keluarkan.

## **10. Hak Bank**

- 10.1. Sebagai tambahan kepada sebarang hak penggantungan yang dinyatakan dalam Terma Umum, kami boleh, mengikut budi bicara kami, menggantung sebarang pengeluaran lanjut



daripada Had Kredit anda yang tersedia dan/atau mana-mana perkhidmatan lain yang disediakan oleh Bank kepada anda, termasuk, tanpa had:

- (a) apabila berlakunya mana-mana peristiwa berikut atau sekiranya kami mempunyai alasan untuk mempercayai bahawa mana-mana peristiwa berikut akan berlaku:
  - (i) anda tidak membayar sebarang jumlah yang perlu dibayar kepada kami tepat pada masanya; dan
  - (ii) anda menjadi bankrap atau insolven; atau
- (b) apabila anda meninggal dunia atau, berdasarkan bukti yang ada, mengalami ketidakupayaan mental.

- 10.2. Kami berhak untuk menyemak semula FlexiLoan anda dan/atau mana-mana Pinjaman yang anda keluarkan pada bila-bila masa, tanpa mengira sama ada berlaku Peristiwa Keingkaran. Selepas semakan tersebut, kami berhak untuk mengenakan syarat tambahan seperti yang kami anggap perlu atau untuk membatalkan, menggantung, menarik balik, menamatkan atau menuntut semula FlexiLoan anda dan/atau mana-mana Pinjaman yang dikeluarkan oleh anda atau mana-mana bahagiannya dengan memberi anda notis tujuh (7) hari terlebih dahulu. Tanpa mengira apa-apa kandungan dalam Terma ini, Pinjaman yang anda keluarkan dan semua faedah, kos dan yuran yang perlu dibayar adalah perlu dibayar atas permintaan kami. Anda bersetuju bahawa kami tidak diwajibkan untuk menyediakan atau terus menawarkan FlexiLoan dan/atau mana-mana Pinjaman yang anda keluarkan.
- 10.3. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, kami tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang caj, kerugian, kerosakan atau liabiliti apa jua jenis yang anda mungkin alami akibat sebarang kelewatan atau kegagalan kami dalam meluluskan sebarang permohonan atau memindahkan Pinjaman ke Akaun GX Biz anda atau membatalkan sesuatu Pinjaman.
- 10.4. Anda hendaklah membayar kepada kami semua yuran, kos, caj dan perbelanjaan (termasuk yuran guaman atas dasar peguam dan klien) yang ditanggung oleh kami berkaitan dengan Terma ini dan/atau penguatkuasaan atau pemeliharaan sebarang hak kami berkaitan dengan Pinjaman dan/atau FlexiLoan anda.
- 10.5. Penyata Akaun yang ditandatangani oleh pegawai Bank yang diberi kuasa dengan sewajarnya akan mengikat dan menjadi bukti konklusif jumlah yang perlu dibayar di bawah sesuatu Pinjaman di mahkamah undang-undang.
- 10.6. Selain daripada hak kami yang terkandung dalam Terma ini, kami boleh melantik ejen pilihan kami untuk mengutip semua dan/atau sebarang jumlah yang anda berhutang kepada kami dengan memberi anda notis tujuh (7) hari terlebih dahulu.

## **11. Tiada Tolak Selesai Atau Tuntutan Balas**

- 11.1. Anda tidak berhak menolak, membuat tolak-selesai atau tuntutan balas sebarang jumlah yang kami berhutang atau dikatakan berhutang kepada anda daripada sebarang jumlah yang anda perlu bayar di bawah sesuatu Pinjaman. Anda bersetuju bahawa tiada apa-apa dalam pengaturannya antara kami dan anda dan/atau mana-mana pihak lain akan menjejaskan atau dianggap sebagai perjanjian tersirat yang mengehadkan atau menafikan sebarang lien,

cagaran, gadaian, hak tolak-selesai atau hak lain yang kami berhak pada bila-bila masa (sama ada melalui operasi undang-undang, kontrak atau sebaliknya).

## 12. Bayaran Balik Tidak Mencukupi

- 12.1. Jika sebarang wang yang dibayar kepada kami atau diperolehi oleh kami berhubung liabiliti anda di bawah sesuatu Pinjaman adalah kurang daripada jumlah yang terhutang kepada kami pada masa itu, kami boleh menggunakan wang tersebut terhadap pembayaran prinsipal, faedah, yuran, atau sebarang jumlah yang terhutang kepada kami dalam perkadaran dan susunan, serta dalam apa-apa cara yang kami anggap sesuai.
- 12.2. Tanpa mengira pembayaran tersebut, sekiranya anda mufliis atau insolven, kami boleh membuat tuntutan dan bersetuju untuk menerima sebarang dividen atau komposisi terhadap keseluruhan atau mana-mana bahagian hutang anda kepada Bank.

## 13. Takrifan dan Tafsiran

- 13.1. Dalam Seksyen C (Terma Khusus GX Biz FlexiLoan) ini, perkataan yang bermula dengan huruf besar mempunyai maksud berikut:

<b>“Pengeluaran”</b>	bermaksud peminjaman dana oleh anda daripada FlexiLoan.
<b>“EMI”</b>	bermaksud Jumlah Ansuran Bulanan Sama rata bagi FlexiLoan
<b>“FlexiLoan”</b>	bermaksud kredit yang ditawarkan oleh Bank kepada anda, tertakluk kepada Terma Khusus GX Biz FlexiLoan, di mana berbilang Pinjaman boleh dikeluarkan oleh anda dan setiap Pinjaman perlu dibayar balik melalui ansuran bulanan.
<b>“Caj Lewat”</b>	bermaksud caj yang dikenakan ke atas jumlah tertunggak yang tidak dibayar kerana kegagalan membuat pembayaran ansuran.
<b>“Butiran Pinjaman”</b>	bermaksud surat yang dikeluarkan oleh kami kepada anda (melalui mel elektronik) bagi meluluskan pengeluaran Pinjaman anda.
<b>“Pinjaman”</b>	bermaksud setiap pengeluaran daripada FlexiLoan.
<b>“ODI”</b>	bermaksud faedah untuk hari ganjil, merujuk kepada caj faedah antara hari pertama pengeluaran Pinjaman sehingga tarikh ansuran pertama.
<b>“Pinjaman Tertunggak”</b>	bermaksud Pinjaman yang belum dibayar balik.
<b>“Prabayaran”</b>	bermaksud pembayaran balik yang dibuat lebih awal daripada tarikh matang sebenar Pinjaman dan digunakan untuk mengurangkan jumlah Pinjaman Tertunggak.